

BAB III

KELUARGA DAN PENDIDIKAN: ANTARA TRADISI DAN MODEN

Secara umumnya, “kecenderungan” zaman banyak mempengaruhi perkembangan sejarah. Kecenderungan zaman yang bagaimana rupanya selalunya akan menghasilkan tokoh yang bagaimana rupanya. Dalam bab kedua, situasi sejarah pada pertengahan abad ke-19 dan selepasnya telah dihuraikan secara ringkas. Apa yang nyata sekali ialah pelbagai konflik yang tajam di antara China dengan Barat dan kejatuhan autoriti tradisi Konfusianisme merupakan “kecenderungan” sejarah yang utama pada zaman itu. Suasana zaman itu ialah satu keadaan yang penuh dengan krisis dan perubahan.

Apabila krisis semakin serius, hasrat untuk mengejar pembaharuan dan perubahan juga semakin ketara. Oleh yang demikian, satu tempoh transisi yang bersimpang-siur telah wujud di negeri China pada ketika itu, dan autoriti tradisi Konfusianisme juga tidak sekukuh masa dahulu yang secara “monistik” (monistic). Keadaan pemikiran secara pluralis sudah terbentuk secara beransur-ansur. Pada masa yang sama, masyarakat negeri China juga terkeluar daripada landasan yang sedia ada, anachronisme dan ketidakselarasan nilai timbul di merata-rata tempat.

Daripada huraian di atas, dapatlah kita memahami bahawa Lu Xun yang hidup dalam suasana umum sebegitu adalah tidak dapat dikecualikan daripada menanggung kerungsingan, keseksaan, kebantutan dan kegagalan. Lu Xun dan para intelektual

sezamannya yang lain berada dalam dua zaman yang berbeza, iaitu satu yang baru dan satu yang lama. Kenyataan ini mengakibatkan mereka dapat mengatasi batasan generasi dahulu, yakni mereka dapat berada dalam tradisi Konfusian dengan secukup-cukupnya semasa mereka masih kecil, dan sempat menerima pengaruh kebudayaan Barat juga pada masa kemudian. Selain daripada situasi-situasi zaman yang berunsur umum ini, harus diingati ialah kebakatan dan pengalaman peribadi yang berunsur individu juga memainkan peranan penting dalam menentukan pembentukan ciri-ciri keistimewaan seseorang. Oleh itu, hanya dengan meninjau daripada kedua-dua unsur am dan unsur khas ini, barulah kita dapat memahami Lu Xun secara menyeluruh. Untuk menjelaskan perhubungan kompleks antara Lu Xun dan Konfusian dengan teliti, kita akan meletakkan Lu Xun dalam konteks dan situasi yang dialaminya untuk menunjukkan proses penyingkiran Konfusian dan pengaruh Konfusian yang dialami oleh Lu Xun sejak masa kecilnya.

3.1 Sejarah Kebudayaan Shaoxing dan Identifikasi Lu Xun terhadapnya

Kisah kehidupan awal Lu Xun harus bermula dari kampung halamannya--Shaoxing (绍兴). Sebagai manusia, setiap orang memang tertakluk di bawah sekatan kebudayaan dan tradisi kaumnya sendiri. Dalam kes Lu Xun, budaya tempatan Yue (越) di Shaoxing juga telah memberi pengaruh yang besar kepadanya .

Pada masa kuno, Shaoxing dikenali sebagai Yuezhou (越州) iaitu negeri Yue. Yuezhou merupakan salah satu kota budaya yang terkenal dalam sejarah negeri China. Sejarahnya agak lama. Kampung halaman Lu Xun ini pernah muncul banyak tokoh-tokoh

dan pahlawan-pahlawan yang terkenal. Misalnya Raja Yue yang bernama Gou Jian (勾践 ?sm-?sm) pada zaman musim Bunga dan Luruh, penasihat-penasihat perang yang handal seperti Fan Li (范蠡 ?sm-?sm) dan Wen Zhong (文种 ?sm-?sm), serta Lu You (陆游 1125-1210), seorang penyajak patriotisme terkenal semasa zaman Song dan Ge Yunfei (葛云飞), seorang pahlawan antiraja pada Dinasti Qing.¹ Seperti apa yang dikatakan oleh Lu Xun sendiri, “keindahan alam dan persekitaran seperti laut dan gunung-ganang, akan melahirkan tokoh-tokoh yang berbakat, kebanyakan generasinya juga turut menunjukkan kebakatan mereka.”² Dalam sejarah Shaoxing yang panjang itu, tokoh-tokoh yang terkenal dan cekap muncul zaman demi zaman. Keadaan ini pasti memberi pengaruh yang besar kepada generasi-generasi terkemudian, dan seterusnya terbentuk satu tradisi kecil kepada kampung Shaoxing. Paradigma yang ditegakkan oleh tokoh-tokoh ini telah menjadi satu kebiasaan dan situasi umum yang menyelimuti penduduk-penduduk sekampung halaman.

Sebenarnya, Lu Xun sendiri pun mempunyai semangat mencintai kampung halaman yang kuat. Kerja-kerja penyemakan, catatan dan penyusunan semula yang dijalankan oleh Lu Xun terhadap rekod-rekod tempatan dan buku-buku tokoh kampung halamannya semasa awal zaman Republik merupakan satu bukti yang kuat.³ Hal ini

¹Xie Dexian (谢德铣) dan Ding Bingkang (丁兵康): “Lu Xun Yu Shaoxing Xianxian Sixiang Ping Chengchuan Guanxi Chutan” (鲁迅与绍兴先贤思想品格承传关系初探 Penyelidikan Awal terhadap Perhubungan Kesinambungan antara Lu Xun dengan Pemikiran dan Keperibadian Tokoh Terdahulu Shaoxing) dalam Zhejiang Lu Xun Yanjiu Xuehui (ed): *Lu Xun Yu Zhong Wai Wenhua* (鲁迅与中外文化 Lu Xun dan Kebudayaan Cina serta Asing) (Zhejiang: Wenyi Chubanshe, 1991), hlm.159.

² LXQJ, Jilid 8, hlm.39.

³ Xie Dexian (谢德铣) dan Ding Bingkang (丁兵康): “Lu Xun Yu Shaoxing Xianxian Sixiang Ping Chengchuan Guanxi Chutan,” hlm. 160. Juga lihat Wu Jun (吴俊): *Lu Xun Zhuan* (鲁迅传 Biografi Lu Xun) (Jiangxi: Baihuazhou Wenyi Chubanshe, 1992), hlm. 68-70.

mencerminkan Lu Xun mempunyai minat dan identifikasi terhadap warisan budaya yang bernilai di kampung halamannya. Karya-karya orang Yue yang disusun oleh Lu Xun tidak kurang daripada sepuluh jenis, dan kerja ini juga menduduki peratusan yang agak tinggi dalam kerja-kerja penyusunan buku-buku klasik Lu Xun sepanjang umurnya. Dalam jenis buku-buku ini, *Huiji Jun Gushu Zaji* (会稽郡故书杂集 Koleksi Buku-buku Lama Daerah Huiji) yang siap dikarang-susunkan pada tahun 1914 itu lebih bernilai.⁴ Buku ini mencatatkan tokoh-tokoh dan geografi tempatan, termasuklah “Huiji Xianxian Zhuan” (会稽先贤传 Biografi Tokoh-tokoh Terdahulu Huiji), “Huiji Dianlu” (会稽典录 Rekod Kitab Huiji), “Huiji Huoxian Zhuan” (会稽后贤传 Biografi Tokoh-tokoh Terkemudian Huiji), “Huiji Xianxian Xiangzan” (会稽先贤像赞 Catatan Pemujuan Bergambar Tokoh-tokoh Huiji), “Huiji Tudi Ji” (会稽土地记 Catatan mengenai Tanah Huiji), “Hui Ji Ji” (会稽记 Catatan Huiji), “Huiji Lu” (会稽录 Rekod Huiji) dan “Huiji Dizhi” (会稽地志 Catatan Geografi Huiji) yang kesemuanya berjumlah lapan jenis. Antara karya-karya ini, 4 jenis yang pertama adalah serba-sedikit biodata tentang tokoh-tokoh di Huiji semasa zaman kuno, manakala 4 jenis yang terkemudian adalah rekod tentang gunung-ganang, sungai kolam, adat resam, legenda-legenda dan juga tempat-tempat yang terkenal di Daerah Huiji. Dalam prakata buku itu, Lu Xun berkata tujuan beliau mencatat dan menyusun maklumat-maklumat tokoh-tokoh sekampung halamannya “untuk meninggalkan semua ini kepada orang kampung, agar dapat membekalkan contoh untuk diikuti oleh mereka, dan tidak melupai perkara yang lampau.”⁵ Maksudnya ialah untuk membangkitkan semangat orang kampung dan justeru

⁴ Daerah Huiji merupakan nama daerah lama bagi Shaoxing.

⁵ LXQJ, Jilid 10, hlm.32.

itu, dapat mengamal dan mengembangkan tradisi baik kampungnya. Semua ini secara teguh telah membuktikan Lu Xun mempunyai kesedaran tempatan yang amat mendalam. Apa yang membuat kita berfikir panjang ialah, apabila Lu Xun menjalankan kerja-kerja penyusunan karya-karya ini, beliau kebetulan berdiam di dalam Dewan Shaoxing (Shaoxing Huiguan 绍兴会馆) yang terletak di Beijing itu. Pada hakikatnya, kita seakan-akan dapat menjangka keadaan psikologinya apabila beliau sedang membaca buku-buku dan karya-karya yang ditinggalkan oleh orang kuno sekampungnya di dalam Dewan Shaoxing. Tidak mungkinkah Lu Xun dipengaruhi oleh karya-karya ini secara mendalam ?

Mengikut pandangan seorang sarjana China, Wu Jun, “keinginan Lu Xun untuk mengejar jejak tokoh-tokoh zaman kuno, khasnya tokoh-tokoh sekampung halamannya adalah sangat jelas. Pada sesuatu tahap yang tertentu, bolehlah kita berfikir demikian: Dalam sepanjang hayat Lu Xun yang penuh dengan cabaran itu, beliau sebenarnya mempunyai kesedaran diri untuk meneruskan adat kebiasaan yang ditinggalkan oleh tokoh-tokoh kuno sekampung halamannya.”⁶ Oleh yang demikian, kita patut meninjau dengan lebih mendalam dan teliti tentang perhubungan antara tokoh-tokoh kuno Shaoxing dengan perkembangan keperibadian dan pemikiran Lu Xun, terutamanya dalam aspek pemikiran antitradisi Lu Xun. Maka, seterusnya kita harus mempersoalkan apakah ciri-ciri khas yang terdapat dalam budaya Shaoxing dan bagaimanakah ciri-ciri khas ini mendorong kepada sikap dan kesedaran antitradisi Lu Xun.

⁶ Wu Jun: *Lu Xun Zhuan*, hlm. 69.

Lu Xun pernah menggunakan satu ungkapan untuk memuji kampung halamannya, iaitu : “Huiji merupakan satu kampung kedendaman, dan bukanlah tempat menyimpan sampah.”⁷ Ungkapan ini memang dapat mencerminkan ketegasan sifat orang Shaoxing secara lingkaran. Daripada cerita-cerita seperti raja Gou Jian yang gigih dan bertabah hati untuk membalaskan dendam negaranya, peristiwa-peristiwa tentang Lu You yang mencintai negaranya semasa Dinasti Song Selatan dan banyak lagi cerita rakyat mengenai penentangan Jin (金 1115-1234) dan anti-Qing telah memaparkan perbuatan dan semangat “anti” orang Shaoxing. Sungguhpun peristiwa-peristiwa yang mengharukan hati ini sudah lama berlalu, tetapi semua ini telah berubah menjadi legenda yang dapat dihayati ramai dari satu zaman ke satu zaman, sehingga diketahui oleh setiap keluarga di Shaoxing. Lu Xun dibesarkan di Shaoxing semenjak kecil lagi, beliau tidak mungkin tidak pernah mendengar cerita-cerita dan legenda-legenda ini. Di samping itu, seorang pengkritik terkenal pada zaman Han Timur (东汉 25-220), iaitu Wang Chong (王充 27-97?) juga berasal dari Shaoxing. Kata Cao Juren perlu kita perhatikan, iaitu: “... ... arah pemikiran yang paling selaras dengan Lu Xun ialah Wang Chong pada zaman Han Timur. Karya Wang Chong yang bertajuk *Lunhen* (论衡 Pernilaian) itu telah menafikan autoriti pemikiran aliran falsafah seperti Konfusian, Mengzi, Mozisme dan Daoisme. Wang telah memdedahkan kepuraan kesemua aliran falsafah ini, dan menunjukkan banyak kelemahan mereka itu.”⁸ Jelasnya, sikap anti-Konfusian Lu Xun adalah serasi dengan sikap Wang Chong.

⁷ *LXQJ*, Jilid 6, hlm. 614.

⁸ Cao Juren (曹聚仁): *Lu Xun Pingzhuan* (鲁迅评传 Biografi Kritikal Lu Xun)(Taipei: Tianyuan Chubanshe, 1988), hlm.9.

Shaoxing juga terkenal dengan terdapatnya bilangan “*Shiye*” (师 爷) yang banyak. Secara umum, “*Shiye*” bermaksud orang yang menguruskan kes-kes perbicaraan, menulis dokumen-dokumen kerajaan dan menguruskan kewangan, terutamanya terkenal sebagai penasihat mahkamah jenayah yang pandai berdalih dan berkata bengis. Disebabkan kebanyakannya “*Shiye*” terdiri daripada orang Shaoxing, maka ada orang yang memanggil mereka sebagai “*Shaoxing Shiye*” (绍兴 师 爷). Penulisan Lu Xun yang terkenal dengan gaya yang tajam dan bengis sudah diakui ramai adalah warisan gaya “*Shaoxing Shiye*.” Cao Juren juga pernah berkata, “..... terdapat satu ungkapan ayat yang diakui oleh semua orang, iaitu keperibadian dan gaya penulisan adik-beradik Zhou (Lu Xun dan Zhou Zuoren (周 作 人 1885-1967)) dipengaruhi oleh budaya Shaoxing, iaitu terdapat tiun “*Shaoxing Shiye*” yang mengurus kes-kes jenayah.”⁹

Selain daripada unsur-unsur tradisional ini, kemasukan budaya Barat yang lebih awal di Shaoxing merupakan salah satu sebab yang penting dalam mempengaruhi kedewasaan Lu Xun. Semasa Perang Candu 1840, kapal angkatan British yang bernama “Penaklukan jalan Jauh Ke Timur” dari Guangdong (广 东) dan Fujian (福 建) telah menyerang pinggir laut Zhejiang (浙 江) dan menakluki kepulauan Zhoushan (舟 山) yang terletak di Dinghai (定 海). Tempat ini berhampiran dengan Ningpo (宁 波). Jaraknya berdekatan dengan Shaoxing. Oleh demikian, Shaoxing boleh dianggap sebagai salah satu kawasan berdekatan dengan lautan yang lebih awal menerima kemasukan dan pencerobohan kuasa-kuasa Barat. Kuasa Barat boleh dibahagikan kepada kuasa perang dan kuasa budaya. Pencerobohan kuasa ketenteraan Barat ke atas China mengakibatkan Lu Xun lebih sensitif terhadap krisis dan kelemahan tanahairnya, manakala kemasukan

⁹ *Ibid.*

kuasa budaya Barat pula menyebabkan Lu Xun berpeluang menerima budaya Barat dengan lebih awal. Dalam kajian Wang Rongzu terhadap tokoh-tokoh Gerakan Pembaharuan 1898, didapati bahawa gerakan pembaharuan pada akhir Dinasti Qing berkait rapat dengan kawasan lautan.¹⁰ Wang Rongzu menyatakan bahawa, “ini adalah kerana kawasan lautan bukan sahaja merupakan tempat kemasukan kuasa Barat malahan juga merupakan kawasan yang mempunyai budaya tempatan yang berkembang pesat. Dalam kata lain, kampung halaman yang diduduki oleh ahli-ahli pembaharuan itu merupakan kawasan budaya Cina dan budaya Barat yang berkembang pesat.” Jelasnya lagi, “ahli-ahli gerakan pembaharuan hendak mengubahkan tradisi, mereka mestilah berada dalam budaya tradisional terlebih dahulu, dan tidak boleh di luar budaya tradisional.”¹¹ Sungguhpun kesimpulan ini hanyalah merujuk kepada ahli-ahli Pembaharuan seperti Kang Youwei dan Liang Qichao, tetapi jika generalisasi ini dialihkan untuk mengisahkan Lu Xun yang merupakan seorang ahli antiradisi, ia juga merupakan sesuatu yang tidak janggal .

Dengan ringkasnya, penulis telah menghuraikan pengaruh tradisi budaya Shaoxing dan tokoh-tokoh kuno terhadap pembentukan keperibadian dan pemikiran Lu Xun di atas. Motif analisis di atas adalah untuk membekalkan satu pemahaman tentang pembentukan pemikiran antiradisi Lu Xun dan juga latar balakang budayanya dengan

¹⁰ Wang Rongzu: *Wan Qing Bianfa Sixiang Luncong*, hlm. 88. Akan tetapi, sarjana pertama yang mengetengahkan pendapat ini ialah Paul A. Cohen dalam pengkajiannya terhadap Wangtao (王韬), lihat *Between Tradition and Modernity: Wangtao and Reform in Late Ching China* (Cambridge, Mass.: Harvard University Press, 1974), hlm.239-276. Yang berbeza ialah selain menegaskan fungsi Barat dalam kawasan lautan, Wang Rongzu juga menekankan fungsi budaya tradisional yang bertunjang dalam proses mempengaruhi aktivis reformasi di kawasan lautan.

¹¹ Wang Rongzu: *Wan Qing Bianfa Sixiang Luncong*, hlm. 92.

lebih mendalam. Sememangnya, unsur budaya Shaoxing tidak boleh dianggap sebagai unsur tunggal bagi asal-usul pembentukan pemikiran Lu Xun, sebaliknya ia hanya dapat membekalkan salah satu sebab terhadap punca pembentukan pemikiran antiradisi Lu Xun. Tetapi, kenyataan kajian di atas telah menunjukkan bahawa pengaruh tradisi budaya Shaoxing terhadap Lu Xun adalah amat penting dan besar.

3.2 Pendidikan Awal antara Tradisi Kecil dan Tradisi Besar

Menurut dapatan kajian kebanyakan sarjana psikologi, pengalaman semasa kanak-kanak dan peringkat remaja merupakan faktor penentuan kepada pembentukan kecenderungan perangai, sifat-sifat istimewa, sikap keperibadian dan pemikiran seseorang. Daripada bukti-bukti eksperimen mereka, lingkungan umur di antara 12 tahun hingga 18 tahun merupakan tempoh penentuan dalam proses pembentukan keperibadian seseorang. Tokoh aliran Existentialism terkenal Sartre pernah berkata, “pengalaman semasa zaman kanak-kanak akan membentuk prasangka yang tidak dapat diatasi.”¹² Oleh yang demikian, kita harus mengimbas kembali kesan-kesan zaman awal Lu Xun demi memahami perhubungan beliau dengan tradisi Cina. Harus ditekankan ialah pengalaman semasa kanak-kanak atau pada peringkat awal yang diertikan di sini lebih merujuk kepada impresi, tanggapan dan perasaan Lu Xun terhadap keluarga dan ahli-ahli keluarga serta kehidupan keluarganya.

¹² Dipetik daripada Du Xiaozhen (杜小真): *Yige Juewangzhe De Xiwang: Shate Yinlun* (一个绝望者的希望——沙特引论) Harapan Seorang Putus Harapan: Pengenalan Sartre (Shanghai: Renmin Chubanshe, 1988), hlm.10-11.

Lu Xun dilahirkan di Dongchang Fang (东昌坊) yang terletak di dalam bandar Shaoxing. Tarikh lahirnya adalah 25 September 1881 iaitu tarikh Dinasti Qing 3 Ogos tahun ke 7 Guangxu. Nama sebenar Lu Xun ialah Zhou Zhangshou (周樟寿) dan Yushan (字豫山). Nama ini diberi oleh datuknya Jiefu Gong (介孚公 1856-1904), tetapi ditukar kepada Yucai (豫才) kemudian. Selepas Lu Xun pergi ke Nanjing, barulah beliau bertukar namanya sekali lagi kepada Shuren (树人) yang kita ketahui pada hari ini.

Lu Xun merupakan cucu sulung bagi sebuah keluarga pembesar tradisional yang prototaip. Sejak turun-temurun, keluarganya adalah sebuah keluarga besar yang terkenal dan ternama di bandar Shaoxing. Seperti mana yang dicatatkan dalam karangan adik Lu Xun iaitu Zhou Zuoren yang bertajuk *Lu Xun De Gujia* (鲁迅的故家 Rumah Lama Lu Xun): Seluruh zuriat Zhou tinggal di dalam satu kediaman yang terdiri daripada tiga kawasan besar yang bernama Xin Taimen (新台门). Setiap kawasan dikelilingi oleh dinding tinggi, dan membentuk satu dunia tersendiri dengan terdapat rumah, taman bunga, kolam, pintu gerbang, koridor batu kecil, pintu pagar yang disapu pengilat, jambatan batu, lorong berlumut dan laman dalam.¹³ Daripada gambaran tersebut, kita seolah-olah dapat melihat satu mikrokosma tradisi Cina. Dalam situasi inilah Lu Xun menghabiskan kehidupan kanak-kanaknya.

Ketua keluarga Lu Xun, Jiefu Gong merupakan seorang sarjana Konfusian tradisional. Beliau pernah menjawat jawatan pengarang Institut Penyelidikan Negara (Hanlinsky Shujishi Sanguan Bianxiu 翰林院庶吉士散馆编修), sekretariat kabinet

¹³ Zhou Zuoren (周作人): *Lu Xun De Gujia* (鲁迅的故家 Rumah Lama Lu Xun)(Hong Kong: Datong Shuju, 1962), hlm.6-7, 30-32.

(Neige Zhongshu 内 阁 中 书) dan lain-lain.¹⁴ Di bawah latar belakang keluarga begini, jalan yang dituju kepada Lu Xun sama dengan kanak-kanak lain yang hidup di dalam keluarga keturunan sarjana, iaitu jalan untuk mendapat ijazah dalam peperiksaan awam, lalu menjadi pegawai kerajaan. Jalan ini telah diwarisi sejak beribu-ribu tahun dahulu. Semasa umur 6 tahun, Lu Xun telah memulakan pendidikan awalnya. Beliau telah memasuki sekolah persendirian dan belajar *Jianlie* (鉴 略 Sejarah Ringkas) daripada bapa saudaranya, Encik Yutian (玉 田 先 生). Keputusan pelajaran Lu Xun adalah cemerlang, beliau seolah-olah merupakan seorang sarjana tradisional Cina kecil pada masa itu. Secara kasarnya, kita dapat mengetahui ciri-ciri pendidikan awal Lu Xun dan jenis-jenis buku yang dibaca oleh Lu Xun melalui koleksi-koleksi buku Jiefu Gong. Menurut Zhou Zuoren, koleksi-koleksi buku bagi Jiefu Gong termasuklah *Shisanjing Zhushu* (十三 经 注 疏 Anotasi Tiga Belas Buku Klasik), Empat Buku, *Shuowen Xin Fukao* (说 文 新 附 考 Pengkajian Baru terhadap Shuowen). Selain itu, termasuk juga *Wang Yangming Quanji* (王 阳 明 全 集 Koleksi Lengkap Wang Yangming), *Xie Wenjie Ji* (谢 文 节 集 Koleksi Xie Wenjie), *Wenshi Tongyi* (文 史 通 义 Taksiran Umum Sastera dan Sejarah) dan lain-lain.¹⁵ Senarai buku ini telah menunjukkan bahawa pendidikan Lu Xun tidak dapat terpisah daripada klasik-klasik ajaran Konfusian. Namun demikian, satu ciri yang agak berbeza ialah sikap datuk dan ibubapa Lu Xun. Sikap mereka yang lebih bebas menyebabkan pendidikan yang diterima oleh Lu Xun tidaklah terlalu kaku. Ini memandangkan orang tua ini juga menggalakkan cucunya membaca novel-novel popular yang dibaca oleh orang ramai. Mereka berpendapat bahan bacaan

¹⁴ Cao Juren: *Lu Xun Pingzhuan*, hlm. 18.

¹⁵ Zhou Zuoren: *Lu Xun De Gujia*, hlm. 76-77.

sebegini juga mempunyai nilai pendidikannya. Novel-novel ini adalah seperti *Xiyou Ji* (西游记 Pengembaraan ke Barat) dan lain-lain .

Sebenarnya, dalam kehidupan rakyat biasa yang “bekerja semasa matahari terbit, rehat semasa matahari terbenam” itu, jenis novel ini merupakan bahan bacaan yang amat digemari ramai untuk mengisi masa lapang. Akan tetapi, pembacaan novel-novel seperti ini adalah dilarang dalam keluarga sarjana-sarjana Konfusian yang merupakan kelas atasan masyarakat Cina. Sebagaimana yang dikatakan oleh Schultz, kanak-kanak negeri China sebelum abad ke-20 adalah tidak digalakkan dalam membaca karya-karya seperti novel-novel popular, legenda, mitos dan khayalan.¹⁶ Sekiranya seseorang berminat terhadap bahan-bahan bacaan seperti ini, mereka hanya boleh membacanya secara senyap-senyap. Yang nyata ialah, karya-karya sastera yang di luar aliran ortodoks ini memang tidak diterima oleh keluarga sarjana Konfusian ortodoks. Dalam kalangan mereka, karya-karya ini dipandang hina dan dianggap sebagai bahan bacaan yang tidak bermoral dan tiada nilai estetik. Oleh kerana sikap datuk dan ibubapa Lu Xun yang lebih terbuka, beliau dapat menemui keseronokan yang tidak terhingga daripada bacaan sastera di luar aliran ortodoks ini. Akibat daripada ini, Lu Xun tidak menyukai pendidikan Konfusian tulen yang menitikberatkan pembacaan “Empat Buku dan Lima Klasik.” Situasi ini perlu difahami kerana ia memainkan peranan penting dalam penjelasan tentang perhubungan kompleks antara Lu Xun dengan ajaran Konfusian ortodoks. Pengalaman membaca karya-karya popular ini membolehkan Lu Xun mendapat pengetahuan tentang sosial, kebudayaan, sastera dan juga sejarah China. Pelbagai pengetahuan dan

¹⁶ William R. Schultz: *Lu Hsun, the Creative Years*, Tesis Ph.d, University of Washington , 1955.

pengalaman ini membantu Lu Xun memahami realiti masyarakat China dan pelbagai dimensi dalam kebudayaan Cina. Di samping itu, pengalaman ini juga dapat membimbang Lu Xun mengatasi konsep ortodoks yang sempit dalam aspek budaya, politik dan sosial. Kehakikian selepas itu telah memberitahu kita bahawa: Bagi seorang pengkritik budaya tradisional seperti Lu Xun, pengetahuan dan pengalaman ini telah membekalkan banyak sumber yang berguna kepadanya. Beliau telah menggunakan pengetahuan ini untuk menjalankan kerja-kerja dan usaha-usaha kritikannya.

Semasa berumur 11 tahun, Lu Xun memasuki “Sekolah Sanwei” (Sanwei Shuwu 三味书屋) dan menjadi pelajar Cikgu Shao Jingwu (寿镜吾). Walaupun beliau mula mengemari karya-karya yang bukan dalam aliran ortodoks, tetapi sukanan pelajaran yang disusun oleh guru Sekolah Sanwei masih dalam lingkungan ajaran tradisi Konfusian, misalnya “Empat Buku dan Lima Klasik.” Sukanan pelajaran itu juga merangkumi latihan menulis “esei lapan-kaki” (*baguwen* 八股文)¹⁷ dan puisi lama. Ini bermakna, Lu Xun masih berada dalam tengah perjalanan tradisional. Dalam sebuah koleksi prosa Lu Xun yang berjodul *Chaohua Xishe* (朝花夕拾 Bunga Pagi Dikutip Senja), beliau telah mencatatkan ingatan beliau terhadap zaman kanak-kanaknya. Dalam pada itu, terdapat sebuah karya prosa yang bertajuk “Cong Baicao yuan Dao Sanwei Shuwu” (从百草园到三味书屋 Dari Taman Pelbagai Rumput sehingga Sekolah Sanwei) yang dapat menggambarkan kehidupan dan keadaan psikologi beliau semasa berada antara “dua dunia” dengan mendalam. Taman Pelbagai Rumput itu merupakan taman permainan

¹⁷ “Esei lapan-kaki” (eight-legged essay) merupakan satu bentuk penulisan yang khusus di mana ia mempunyai corak dan peraturan kaku tertentu yang ditetapkan oleh sistem peperiksaan lama. Dalam era 4-Mei, “esei lapan-kaki” ini telah digunakan sebagai simbol bagi stereotaip dan kedogmatikan kebudayaan tradisional.

zaman kanak-kanak Lu Xun, ia mewakili dunia umum bagi beliau. Manakala Sekolah Sanwei pula mewakili dunia ortodoks beliau. Dengan menbandingkan kedua-dua bidang ini, Lu Xun jelas lebih suka dan mendekati Taman Pelbagai Rumput. Hal ini dapat diketahui melalui kebiasaan Lu Xun yang selalu memonteng daripada masa persekolahan yang membosankannya untuk pergi bersama-sama dengan rakan-rakannya ke belakang taman itu. Di taman itu, mereka “memetik bunga ijas” dan “mencari bunyi cicitan riang-riang di bawah tanah dan atas pokok bunga Bay” dengan penuh keseronokan.¹⁸

Dipandang daripada sudut Sosiologi, “Sekolah Sanwei” dan “Taman Pelbagai Rumput” sesuai dijadikan simbol konkret bagi konsep “tradisi besar”(great tradition) dan “tradisi kecil”(little tradition) yang dikemukakan oleh Robert Redfield dalam bukunya *Peasant Society And Culture*.¹⁹ Menurut Redfield, “tradisi besar” dicipta oleh sebilangan kecil golongan atasan yang mempunyai kemampuan berfikir, dan lebih merujuk kepada sejenis budaya yang lebih tinggi tahapnya. Manakala “tradisi kecil” pula merujuk kepada budaya popular yang wujud dan berkembang secara beransur-ansur dalam kehidupan kampung petani. Apa yang mesti dinyatakan ialah perhubungan antara “tradisi besar” dan “tradisi kecil” bukanlah bertentangan secara mutlak, malahan perhubungan antaranya adalah amat rapat sekali. Struktur teori Redfield ini telah membekalkan kita satu pendekatan untuk mengkaji perhubungan Lu Xun dengan pemikiran tradisional.

Ternyata, “Sekolah Sanwei” boleh mewakili “tradisi besar” dalam lingkungan kebudayaan tradisional Cina. Pemikiran Konfusian yang dianggap sebagai aliran

¹⁸ Leo Oufan Lee: “Lu Xun De Younian 1881-1896” (鲁迅的幼年 Masa Kecil Lu Xun (1881-1896)) dalam *Ming Pao Monthly* (明報月刊 Bulanan Mingbao), Disember, 1970, hlm. 6.

ortodoks oleh sarjana-sarjana tradisional merupakan kandungan terasnya. Sekolah ini mengajar kata-kata dan ajaran tokoh Konfusian serta klasik-klasik tradisional iaitu “Empat Buku Lima Klasik,” dan juga “esei lapan-kaki” yang menjadi syarat keperluan bagi menduduki sektor perkhimatan awam kerajaan. Manakala “Taman Pelbagai Rumput” pula merupakan satu dunia yang bertentangan dengan ini. Ia mewakili “tradisi kecil” dalam budaya tradisional Cina iaitu merangkumi adat resam rakyat jelata, legenda dan mitos, dan juga termasuk kebiasaan kehidupan petani-petani. Dengan bertolak dari perspektif ini, kecenderungan Lu Xun kepada “tradisi kecil” dan tidak menyukai “tradisi besar” pada zaman kanak-kanak ini seakan-akan sudah menunjukkan arah jalan beliau pada masa kemudian.

Namun demikian, ketika Lu Xun masih terpesona dalam dua dunia ini, kes rasuah dalam peperiksaan perkhimatan awam yang melibatkan datuknya telah berlaku. Selepas kes itu berlaku, datuknya melarikan diri ke Shanghai. Oleh sebab semua anak lelaki keluarganya juga mungkin akan turut disabit dalam kes ini, Lu Xun yang hanya berumur 13 tahun terpaksa mengungsi ke rumah ibunya. Ibu Lu Xun bernama Lu Rui (魯瑞 1857-1943). Lu Rui berasal dari keluarga sarjana Konfusian ternama yang telah mengalami kemelesetan di sebuah kampung petani. Disebabkan kes datuknya ini, Lu Xun berpeluang mengalami kehidupan di kampung petani. Menurutnya,

Saya dibesarkan di keluarga besar dalam bandar. Saya membaca buku serta mendengar ajaran daripada guru sejak kecil lagi , dengan itu saya melihat orang ramai ibarat bunga dan burung. Keluarga ibu berada di kampung petani, ini membolehkan saya dapat bermesra dengan ramai petani, dan semakin memahami

¹⁹Robert Redfield: *Peasant Society and Culture* (Chicago: The University of Chicago Press), 1956. Penghuraian mengenai teori ini dan Lu Xun, sila merujuk Leo Oufan Lee: “Lu Xun De Younian 1881-1896.”

kesengsaraan yang dihadapi sepanjang hayat mereka, ini sememangnya tidak sama dengan bunga dan burung.²⁰

Pengakuan sebegini telah menjelaskan secara nyata bahawa pengalaman mengungsi di kampung petani lebih membolehkan Lu Xun berada dalam dunia tradisi kecil jika dibandingkan dengan pengalaman di “Taman Pelbagai Rumput.” Dalam dunia kampung petani, beliau telah berpeluang menikmati kehidupan rakyat biasa seperti menonton wayang, mendengar legenda dan ramalan dan sebagainya. Lu Xun banyak mendapat hiburan dan kesenangan daripadanya. Oleh itu, Lu Xun lebih bermesra dengan petani. Beliau juga lebih menggemari budaya kalangan rakyat. Akan tetapi, kehidupan menumpang ini dipandang rendah dan beliau telah diperli sebagai “orang yang meminta sedekah.” Sanubari Lu Xun mengalami perasaan malap buat kali pertamanya pada zaman kanak-kanaknya.

Sehingga waktu antara musim bunga dan musim luruh, datuk Lu Xun menyerah diri. Akhirnya, datuknya dihukum mati, dan hukumannya akan dilaksanakan selepas musim luruh. Ahli keluarga dan saudara maranya dijangka tidak akan disangkutkan dengan apa-apa hukuman lagi. Maka, Lu Xun pun pulang ke rumahnya dari kampung halaman ibunya. Tetapi, untuk merasuhkan pegawai-pegawai kerajaan agar datuknya melepaskan diri daripada hukuman mati itu, keluarga Zhou telah hampir menjualkan semua harta-benda mereka. Semenjak itu, keluarga Lu Xun mengalami keruntuhan dan sering dipandang hina oleh orang lain. Walaupun demikian, kesengsaraan bagi keluarga Zhou masih belum berhenti setakat itu sahaja. Ayahnya Boyi Gong (伯宜公 1859-1896) yang juga tersangkut dalam kes rasuah itu sakit tenat selepas itu. Beliau dilucutkan

²⁰ LXQJ, Jilid 7, hlm.389.

kelayakan “*Xiucai*” (秀 才 kelulusan peperiksaan umum peringkat kampung). Ini merupakan satu pukulan yang besar bagi ayah Lu Xun tidak kira dari segi fizikal atau segi mental.

Ayah Lu Xun adalah seorang sarjana yang mengalami kegagalan dalam peperiksaan “perkhimat” awam. Sungguhpun demikian, beliau merupakan seorang yang peramah. Beliau tidak pernah menghukum anak-anaknya, malahan beliau menaruhkan harapan yang besar terhadap anak-anaknya. Beliau berharap salah satu daripada adik-beradik Lu Xun dapat melanjutkan pelajaran ke seberang laut. Hal ini memang jarang berlaku di keluarga orang Cina pada masa itu. Oleh sebab kehidupan yang berputus asa, ayah Lu Xun selalu membiarkan dirinya berada dalam keadaan mabuk arak dan asap rokok. Beliau juga menghisap candu dengan harapan supaya dapat melegakan diri daripada kesakitan penyakit yang dijangkitinya. Maka, suasana dalam rumah mereka sangat malap. Zhou Jianren (周 健 人) pernah berkata,

Menjelang musim luruh, satu bayangan gelap dan tekanan berat selalunya mengikut jejak musim. Ketegangan, ketakutan, kesengsaraan dan kedukaan menyelubungi hati sekeluarga kami. Semua ini lebih menyelubungi ayah saya. Beliau sentiasa merasakan ketakutan dan kejutan tanpa sebab, dan ini membuat hatinya tidak tenteram langsung.”²¹

Katanya memang tepat menceritakan keadaan keluarga Lu Xun pada masa itu. Dalam situasi demikian, Lu Xun tidak mungkin tidak dipengaruhi oleh suasana keluarganya yang gelap ini. Malahan, ditambah pula dengan permintaan peranan tradisional sebagai anak sulung keluarga, Lu Xun terpaksa memikul tanggungjawab dalam hal ehwal

²¹ Zhou Jianren, Zhou Ye (周 畔) (catat): *Lu Xun Gujia De Bailuo* (鲁 迅 故 家 的 败 落 Keruntuhan Keluarga Lama Lu Xun) (Hunan: Renmin Chubanshe, 1984), hlm. 109.

keluarganya. Dengan secara mendadak, Lu Xun dikehendaki mengambil alih peranan ayahnya sebagai ketua keluarga dan bertanggungjawab terhadap segala perkara yang berlaku di dalam rumah. Salah satu tanggungjawabnya yang penting adalah menjaga ayahnya yang sakit itu. Bermula dari titik saat inilah, Lu Xun telah berhadapan dengan titik perubahan yang penting dalam keadaan kehidupannya. Mulai masa itu, Lu Xun terpisahlah dengan kehidupan yang tidak perlu membimbangkan apa-apa dan juga kehidupan yang harmoni dan aman.

Lu Xun pernah menceritakan pengalamannya dari masa keruntuhan keluarga Zhou sehingga ayahnya sakit tenat.

Ada sesiapa yang pernah terjatuh ke dalam kebuntutan daripada keluarga yang sederhana ? Pada pendapat saya, berada atas perjalanan inilah, agak-agak dapat kita lihat muka sebenar orang ramai.²²

Dalam masa 4 tahun lebih itu, saya pernah sering..... hampir setiap hari, masuk dan keluar di antara pajak gadai dan kedai ubat. Berapakah umur saya pada masa itu sudah saya lupa. Yang diingati ialah meja penjual kedai ubat itu sama tinggi dengan ketinggian saya. Meja penjual di kedai gadai pula adalah lebih tinggi satu kali ganda daripada ketinggian saya. Saya menyerahkan pakaian atau perhiasan emas ke atas meja penjual yang lebih tinggi satu kali ganda daripada ketinggian saya itu, lalu menerima wang dalam keadaan terhina. Kemudian, saya pergi ke meja penjual yang tingginya sama dengan tinggi saya untuk membeli ubat bagi ayah saya yang sakit begitu lama itu. Setelah saya pulang ke rumah, saya akan sibuk dengan hal-hal yang lain pula. Ini adalah kerana tabib yang mengubati ayah saya itu merupakan tabib yang terkenal. Oleh itu, ubat yang digunakan juga adalah yang paling ganjil, iaitu akar pohon gaharu yang digali pada musim dingin, tebu yang sudah 3 tahun lamanya kena salji, sepasang jengkerik kembar, kayu tanah pamah yang mempunyai batang dan lain-lain yang semuanya tidak mudah didapati. Akan tetapi, ayah saya meninggal dunia pada akhirnya.²³

²² LXQJ, Jilid 1, hlm.415.

²³ Ibid.

Ternyata, rasa sedih dan hampa terhadap layanan dingin dan penghinaan daripada masyarakat telah mempercepatkan kematangan pemikiran Lu Xun. Suasana kehidupan keluarganya yang tertekan pula menyebabkan perasaan beliau yang melankolik dan pesismis. Namun demikian, jika dibandingkan dengan anak keluarga petani, latar belakang keluarga pembesarnya telah menjadikan beliau lebih mudah merasai kepalsuan dan tipu helah masyarakat atasannya. Justeru itu, sifat keperibadian Lu Xun yang lebih sensitif, insaf, ekstrem, melankolik, memencil dan eksentrik serta teguh hati telah terbentuk sejak beliau masih kecil lagi.²⁴ Secara ringkasnya, beliau mempunyai perasaan benci dan kesedaran terhadap “muka orang masyarakat.” Di sebaliknya, beliau juga mempunyai rasa cinta dan kesian terhadap penduduk di kampung petani serta suka mendekati mereka. Dengan tertanamnya rasa “benci” dan “sayang” inilah punca penting mengapa Lu Xun menitikberatkan persoalan sifat bangsa Cina.²⁵ Sebagaimana yang telah disebut, keprihatinan Lu Xun terhadap soalan sifat bangsa Cina merupakan sebab penting yang mendorong kepada “antitradisi” beliau.

Ayah Lu Xun sakit selama 3 tahun lebih. Sungguhpun harta-benda sekeluarganya telah dihabiskan, tetapi ayahnya masih tidak dapat disembuhkan. Ayah Lu Xun pada mulanya memuntah darah dengan tiba-tiba, dan tabib yang diupah telah memberi rawatan menurut ilmu “mengubati mengikut rasa” (*yizhe yi ye 医者意也*) yang kononnya dakwat hitam lama bolah menahan darah. Kemudian, beberapa tabib tradisional pula

²⁴ Li Zehou: *Zhongguo Jindai Sixiangshi Lun* (中国近代思想史论 Perbincangan Sejarah Pemikiran Modern China) (Taipei: Fengyun Shidai Chubanshe, 1991), hlm. 437.

²⁵ *Ibid.*: hlm.437-438.

memutuskan bahawa penyakit ayah Lu Xun adalah penyakit barah. Mereka mahukan Lu Xun pergi mandapatkan ubat yang telah disebutkan di atas. “Ubat” itu telah dimakan berkali-kali, tetapi penyakitnya masih tidak ternampak sebarang harapan untuk sembuh, malahan tapak kaki ayah Lu Xun mulai bengkak. Tidak lama kemudian, paha kecil ayahnya juga bengkak. Sehingga ke saat ini, tabib tradisional pula menganggap ayahnya menghidap penyakit “bengkak air”, dan memberikan pil “menghilangkan bengkak” kepada ayahnya kerana mereka menganggap “bengkak air” juga dinamakan penyakit bengkak perut, jadi ia boleh dirawati secara semulajadi dengan bengkak itu dipecahkan. Tetapi kesan daripada itu ialah bengkak itu merebak sehingga bahagian badan di antara hati, dada dan perut. Akhirnya, ayah Lu Xun mati dalam keadaan yang amat menderita.

Kematian ayah Lu Xun merupakan peristiwa yang patut dikaji dalam “situasi eksistensial” Lu Xun, terutamanya kesan sentimental yang berada dalam psikologi Lu Xun. Lu Xun pernah menuliskan babak ayahnya menghadapi kematian dengan amat teliti dalam karyanya *Chaoqua Xishi*.

Ayah mencungap dengan payah dalam tempoh masa yang agak panjang, sehinggalah saya juga tidak tertahan dengan suara yang sedemikian. Akan tetapi tiada sesiapa dapat menolongnya. Sehinggalah pada satu ketika, fikiran saya terkelip sepintas lalu bahawa “lebih baik ayah mencungap buat kali terakhir” Walaupun dengan segera, saya berasa fikiran saya yang sebegini adalah satu kesilapan, ia merupakan satu dosa. Namun demikian pada masa yang sama, saya rasa fikiran itu sebenarnya betul kerana saya sangat menyayangi ayah saya. Sehinggalah sekarang, saya pun berfikir sedemikian.

Subuh pagi, makcik Yan yang tinggal di dalam Pintu Satu masuk ke rumah kami. Makcik Yan merupakan seorang wanita yang mahir dalam hal-hal peraturan mengenai adat resam. Dia mengatakan bahawa kami tidak seharusnya menanti tanpa membuat sesuatu. Maka, kami pun tukarkan baju ayah. Kemudian, kami turut membakar kertas sembahyang dan sejenis kertas kitab Goa Wang (高王经) sehingga menjadi abu. Lalu, kami bungkuskan abu itu dengan kertas dan beri kepada ayah untuk memegang dalam tangannya

“Jeritlah, ayah engkau sudah hampir mati, jeritlah cepat sikit !” makcik Yan berkata.

“Ayah ! Ayah !” saya pun menjerit .

“Kuat sedikit ! Dia tidak terdengar suara kau, cepatlah jerit !”

“Ayah ! Ayah !”

Muka ayah yang sudah tenang itu tiba-tiba menjadi cemas. Dia membuka mata dengan perlahan-lahan , seperti terlanda sedikit keseksaan.

“ Jeritlah, kau. Jeritlah ! ” makcik Yan turut menyuruh.

“Ayah !!! ”

“ Mengapa ? jangan berjeritjangan ”

Ayah memesan dalam suara yang rendah, dan mencungap dengan sangat cepat. Tidak lama kemudian, barulah tenang seperti dahulu kala, tenang tanpa sebarang suara lagi.

“Ayah !!! ” saya masih menjerit ayah, sehingga dia meninggal dunia.

Sekarang saya masih terdengar suara saya sendiri yang menjerit pada ketika itu. Setiap kali saya terdengar suara itu, saya merasakan itulah kesalahan terbesar saya terhadap ayah.²⁶

Tidak syak lagi, pengisahan sendiri ini secara langsung telah mendedahkan rasa kesal dalam hati Lu Xun. Kenangan adik Lu Xun, Zhou Jianren semasa usia yang tua telah membuktikan “jeritan” (untuk memanggil roh) pada kali itu mengakibatkan kejutan sentimen kepada Lu Xun yang pada ketika itu hanya berumur 16 tahun sahaja.

Peristiwa ini membawa kekesalan yang tidak dapat ditebus balik kepada abang sulung saya. Selepas peristiwa itu, dia menangis sambil memberitahu ibu, “ Saya berasa salah terhadap ayah ! Ayah sudah berkata demikian, saya tidak patut menjerit lagi pada ketika itu.”²⁷

Seperti apa yang disebutkan di atas, dari segi psikologi, bayangan psikologikal yang terpendam semasa zaman kanak-kanak merupakan satu pengaruh penting kepada

²⁶ LXQJ, Jilid 2, hlm.288-289.

²⁷ Zhou Jianren: *Lu Xun Gujia De Bailuo*, hlm.118-119.

pembentukan keperibadian seseorang. Jika meninjau “kematian ayah” yang penuh dengan erti simbolik ini dari sudut sejarah pemikiran intelektual, peristiwa ini sebenarnya telah membekalkan satu peluang terbaik untuk kita memahami reaksi yang terpapar dalam dunia dalaman Lu Xun akibat berlakunya ketegangan antara tradisi besar dengan tradisi kecil dalam pemikiran Lu Xun. Leo Ou-fan Lee mempunyai pandangan yang spesifik terhadap peristiwa ini.²⁸ Leo Ou-fan Lee berpendapat bahawa sebuah keluarga sarjana terpaksa mendengar kata-kata pantang daripada seorang wanita biasa dan menjadikan ayah tidak dapat meninggal dunia dalam keadaan yang tenteram, ini telah mengakibatkan Lu Xun masih berasa kesal selepas tempoh 30 tahun. Dari aspek lain, Lu Xun juga dapat mengenali kejahilan dan sikap ketulusan penduduk kampung lapisan bawahan. Bagi Lu Xun, kematian jasad ayahnya adalah akibat daripada kesalahan mengubati yang dilakukan oleh tabib tradisional Cina, manakala kematian roh ayahnya adalah akibat kesalahan seluruh kebudayaan tradisional. Di bawah kongkongan tradisional, “bakti” (*xiao 孝*) Lu Xun terhadap ayah telah disalahgunakan oleh adat resam tradisional, ini mengakibatkan “bakti”nya diaplikasikan dalam keadaan yang tidak sesuai, dan secara tidak langsung telah mengakibatkan kematian ayahnya yang menjadi mangsa korban “ajaran adat” kebudayaan tradisional. Lu Xun tidak mungkin tidak berasa apa-apa, beliau juga tidak mungkin tidak berasa kesal sepanjang hayatnya. Seperti kata Lu Xun dalam karyanya sendiri, “dia sangat menyayangi ayahnya.” Sebenarnya, kejadian ini jelas mempengaruhi pilihan Lu Xun untuk melanjutkan pelajarannya dalam bidang perubatan pada masa kemudian. Menurut analisisi Leo Oufan Lee, dalam erti simbolik,

²⁸ Selanjutnya sila lihat Leo Oufan Lee: “Lu Xun De Younian 1881-1896,” hlm. 9.

Lu Xun memilih bidang perubatan sebagai pilihan kerjayanya boleh dianggap bahawa Lu Xun ingin “melakonkan semula” babak ayahnya meninggal dunia sekali demi sekali. Beliau mengubati seorang pesakit sehingga sembuh menandakan beliau sedang mengubati ayahnya sehingga sembuh secara simbolik. Akan tetapi, cara yang beliau gunakan ialah cara perubatan Barat yang saintifik, dan bukanlah cara perubatan tradisional Cina yang tahayul yang telah merampas nyawa ayahnya itu. Dengan ini, Lu Xun akan dapat merasakan kesenangan hati yang tidak berhenti-henti kerana telah menebus dosanya melalui “lakonan semula” ini.²⁹ Penulis amat bersetuju dengan ulasan ini.

Daripada analisis selanjutnya dalam konteks ini, kematian ayahnya merupakan satu punca yang sangat penting yang mengakibatkan Lu Xun menuju ke arah antitradisi. Lu Xun membidas “ajaran adat yang memakan orang” semasa zaman Gerakan 4-Mei seakan-akan berkait hubung dengan peristiwa ini, yakni ini mungkin merupakan satu proses pembesaran. Ini kerana setiap tindakan anti-Konfusian Lu Xun bererti beliau telah membala dendam untuk ayahnya sekali lagi. Ini boleh juga dikatakan bahawa beliau sudi menggantikan ayahnya untuk menerima segala penderitaan.

Akan tetapi, timbul satu persoalan yang tidak dapat dielakkan di sini ialah mengapa Lu Xun menyalahkan kesemua kesalahan yang didapati dalam kepercayaan kalangan rakyat (tradisi kecil) kepada ajaran Konfusian yang tergolong dalam “tradisi besar”? Seperti yang disebutkan di atas, pandangan Lu Xun terhadap rakyat lapisan bawahan adalah “bersimpati terhadap mereka kerana ditimpa kemalangan, tetapi memarahi terhadap mereka kerana mereka tidak menentang segala kemalangan itu.” (*ai qi*

²⁹ *Ibid.*

buxing 哀其不幸, *nu qi buzheng* 怒其不争) Pada dasarnya, Lu Xun bermesra dengan rakyat dan kebudayaan mereka. Akan tetapi pada masa yang sama, beliau juga amat benci terhadap kejahilan dan kebodohan yang lazimnya terdapat di kalangan mereka. Inilah sebahagian punca kegelisahan sanubari Lu Xun. Jalan keluar pemikiran Lu Xun ialah menjadikan ajaran Konfusian sebagai matlamat serangan. Dalam sejarah pemikiran intelektual Cina, perhubungan antara “tradisi besar” dan “tradisi kecil” adalah amat rapat sekali, dan kedua-dua tradisi itu telah terbentuk satu “perhubungan simbiotik” (symbiotic relationship), iaitu kedua-dua tradisi sering bercampur aduk antara satu sama lain. Asal-usul “tradisi kecil” selalunya adalah akibat daripada proses kelaziman atau sekularisasi “tradisi besar,” misalnya sastera popular, skrip-skrip drama Cina klasik dan berbagai-bagi adat resam di kalangan rakyat dalam “tradisi kecil” tidak dapat dikecualikan daripada diseliputi oleh nilai-nilai Konfusian seperti “taat” (*zhong* 忠), “bakti,” “keadilan,” “suci” (*jie* 节) dan lain-lain. Dalam kata yang lain, “tradisi kecil” Cina dipengaruhi dengan dalamnya oleh “tradisi besar.” Lapisan sarjana-sarjana sentiasa mengaplikasikan unsur “tradisi besar” dalam kalangan rakyat secara sedar, kerana “memberi pendidikan peradaban dan muzik” (*li yue jiaohua* 礼乐教化) adalah misi mereka. Sebagai salah seorang ahli daripada lapisan sarjana, Lu Xun tidak mungkin tidak memahami kebenaran ini. Hung Chang-tai dalam bukunya *Going to the People: Chinese Intellectual and Folk Literature 1918-1937* pernah menyentuh perkara ini. Menurutnya,

Interactions between written literature and oral literature are a two way traffic. Lu Xun was one of the few who pointed out the mutual influence of high and low literature. He argued that folk literature, which he called “the producers’ art”, was

strongly influenced by the elite culture, “the consumers’ art” through a process he called “secularization.”³⁰

Jelasnya, Lu Xun menyedari pengaruh Konfusian terhadap budaya popular. Walaupun Lu Xun sangat mengemari efek keseronokan, humor, sifat kesasteraan dan kesenian yang ditunjukkan oleh “tradisi kecil,” tetapi beliau tidak semestinya menyukai etika dan nilai Konfusian yang terkandung dalamnya. Oleh itu, Lu Xun menulis *Chaohua Xishi* dengan penuh kelembutan dan ketenangan, tetapi menunjukkan kemarahan dan kehampaan dalam *Kuangren Riji*.³¹ Dengan kata lain, Lu Xun berpendapat bahawa Konfusian telah menyebabkan kejahilan sifat peringkat bawahan, dan “tradisi kecil” telah mendapat pengaruh buruk daripada “tradisi besar.” Justeru itu, kerja-kerja dan usaha-usaha untuk memperbaiki sifat bangsa Cina dan anti-Konfusian tidak pernah tergongcang di sepanjang hayatnya.

3.3 Peringkat Awal Lu Xun Mengejar Kebudayaan Baru di Nanjing

Kematian ayah Lu Xun telah menamatkan zaman kanak-kanak Lu Xun, dan memulakan satu peringkat kehidupan baru bagi Lu Xun. Lu Xun meninggalkan kampung halamannya 2 tahun kemudian (1898) selepas kematian ayahnya, dan beliau tiba di Nanjing -- sebuah bandar besar yang lebih terbuka untuk mengejar cita-citanya secara sebatang kara. Kemunduran keluarganya serta mengenali “muka sebenar manusia” telah mengakibatkan Lu Xun menjelak kakinya ke satu titik perubahan dalam kehidupannya. Beliau menghadapi kekeliruan dalam memilih haluan yang akan ditujukan pada masa

³⁰ Chang-tai Hung: *Going to the People: Chinese Intellectuals and Folk Literature 1918-1937* (Cambridge, Mass.: Harvard University Press, 1985), hlm. 164.

akan datang. Akan tetapi, sikap yang terbentuk dalam “situasi eksistensial”nya yang bersifat ekstrim itu telah menjadikan beliau mempunyai sikap yang nekad, dan ini tidaklah sukar untuk kita memahami mengapa beliau dapat membuat keputusan dengan hati yang tabah. Tindakbalas daripada sikap sebegini selalunya adalah memutus hubungan dengan apa yang sedia ada, terutamanya apa yang dianggap oleh beliau sebagai sesuatu yang gelap dan tertekan. Dalam keadaan sebegini, beliau akan melarikan diri daripada kesemua ini tanpa keraguan, sungguhpun ini adalah bertentangan dengan nilai aliran teras dalam masyarakat.

Saya hendak pergi ke N (Nanjing) untuk belajar di sekolah K (Kuanglu), (ini) seolah-olah untuk menuju ke jalan yang lain, melarikan diri ke tempat yang lain, dan pergi ke sana untuk mencari orang ramai yang berlainan. Ibu saya tidak dapat menahan saya, maka beliau menyediakan duit tambang sebanyak 8 ringgit kepada saya. Ibu berkata ikutlah suka saya, akan tetapi beliau mula menangis, ini merupakan satu perkara yang sudah dalam jangkaan, kerana pada masa itu jalan yang betul adalah membaca buku untuk menghadapi peperiksaan. Sebaliknya, orang yang belajar di sekolah Barat dianggap oleh masyarakat umum sebagai orang yang tiada jalan lagi dan terpaksa menjual roh mereka kepada orang putih, maka orang seperti ini hendaklah diejek habis-habisan dan disingkirkan daripada pergaulan sosial. Lagipun beliau akan tidak dapat berjumpa dengan anaknya lagi. Namun demikian, saya tidak peduli semua perkara ini, akhirnya saya pun tiba di N, dan masuk ke sekolah K.....³²

Nukilan ini menunjukkan Lu Xun “menuju ke jalan yang lain, melarikan diri ke tempat yang lain” bukanlah satu perlarian dari kampung halaman yang biasa. Ia lebih menunjukkan satu transformasi daripada dunia tradisional ke dunia baru pada diri Lu Xun. Dari segi erti simbolik, ini telah menunjukkan Lu Xun sudah melambai tangan

³¹ Leo Oufan Lee: “Lu Xun De Younian 1881-1896,” hlm. 7.

³² *LXQJ*, Jilid 1, hlm. 415-416.

dengan kehidupan tradisional yang mewakili kegelapan itu. Jelasnya, semenjak masa itu, Lu Xun memutuskan perhubungan beliau dengan tradisi keluarganya iaitu teruskan perjalanan peperiksaan kerajaan untuk menjadi seorang sarjana Cina yang mengejarkan pangkat pegawai kerajaan. Sungguhpun pendidikan baru sudah didirikan pada negeri China pada akhir abad ke-19, Gerakan Pembaratan juga sudah giat dijalankan, tetapi dari kaca mata orang ramai, jalan untuk menghadapi peperiksaan agar menjadi pegawai kerajaan masih dianggap sebagai jalan lurus. Sungguhpun Lu Xun pada ketika itu masih tidak tahu apa yang hendak dilakukan dirinya, tetapi beliau amat jelas mengetahui bahawa dirinya tidak mahu mengikuti jalan tradisi Konfusianisme yang lama lagi. Ternyata, proses identifikasi diri Lu Xun adalah bermula daripada kelakuan antitradisi. Keadaan ini adalah sama seperti proses identifikasi kebanyakan pemuda-pemudi pada zaman moden ini yang bermula daripada antikeluarga.

Sebenarnya, semasa keluarga Lu Xun sedang ditimpa perubahan yang besar, latar belakang makro-sejarah China yang dialami oleh Lu Xun juga sedang mengalami perubahan yang substantif, iaitu perubahan keadaan sosial politik China dan suasana kebudayaannya. Pada masa itu, Perang China-Jepun 1898 yang membawa kekalahan yang teruk, dan lebih-lebih lagi membawa kejatuhan maruah yang besar kepada China telah membangkitkan stimulus yang belum terlenyap di kalangan intelektual Cina. Arus yang mengharapkan pembaharuan sedang bertiup di kalangan intelektual. Ahli-ahli akademik telah menggelar jangka masa ini sebagai era transisi penentuan bagi bentuk kebudayaan Cina (1890-1907), Lu Xun secara kebetulan telah dapat menjelak kaki ke

dalam situasi ini.³³ Nanjing telah banyak menerima pengaruh arus pemikiran baru secara besar-besaran, dan ini tidak dapat dibanding oleh Shaoxing, satu bandar yang kecil. Selepas tiba di Nanjing tidak lama kemudian, Lu Xun terdengar berita-berita tentang kegagalan Gerakan Pembaharuan 1898, dan Kang Youwei serta Liang Qichao melarikan diri ke luar negeri, manakala Tang Sitong dan “enam orang budiman” (*liu junzi* 六君子) yang lain telah terkorban. Kegagalan Gerakan Pembaharuan 1898 ini telah membuktikan bahawa sebarang cubaan “pembetulan” yang berasaskan tradisi Konfusian dan kuasa maharaja universal sebagai pusat tidak mungkin mendapat kejayaannya. Justeru itu, arena intelektual Cina sedang memerlukan satu arus inovasi yang lebih mendalam dan radikal. Perjalanan Lu Xun ke Nanjing telah merapatkan beliau dengan arus inovasi ini. Oleh itu, pelbagai konsep pemikiran menjadi popular dan berubah dengan cepat. Di samping itu, realiti politik juga tidak tentu arah perubahannya. Jika dilihat dari aspek objektif, bagi seseorang pemuda yang bercita-cita tinggi dan berfikiran kreatif, keadaan ini walaupun merupakan satu fenomena yang kelam-kabut kepadanya, tetapi jika dilihat dari satu aspek yang lain pula, keadaan ini mungkin penuh dengan peluang dan kesempatan. Tambahan pula, kelenyapan dan kemusnahan adat resam dan norma masyarakat juga dapat membebaskan daya potensi yang tidak terkira, yakni ramai orang boleh menghidu unsur pemikiran baru dengan bebas, sungguhpun ini akan membawa serba sedikit rasa ketidakpastian dalam pemikiran.

³³ Menurut Chang Hao, dalam dekad penentuan inilah hakisan terhadap pemikiran Konfusian telah mengakibatkan negara China berada dalam keadaan ketidaktentuan arah dari segi kebudayaan. Minda orang Cina tidak lagi didominasi oleh nilai-nilai Konfusian, maka bermulalah perjalanan mengejar arah yang baru sehingga masa kini yang belum terputus itu. Lihat *Liang Chi-chao and Intellectual Transition in China, 1890-1907* (Cambridge, Mass.: Harvard University Press, 1971), hlm.5-6 dan 296-307. Juga lihat Chen Shaoming (陈少明): “Shiji Zhuanzhedianshang De Wenhua Sichao” (世纪转折点上的文化思潮) Arus Pemikiran Kebudayaan pada Titik Transisi Abad) dalam Xu Jilin dan Chen Dakai (ed.): *Zhongguo Xiandaihua Shi*, hlm. 184-211.

Pada mulanya, Lu Xun belajar di sekolah Tentera Laut Nanjing (Shuishi Xuetang 水师学堂) yang didirikan semasa Gerakan Pembaratan. Di sekolah ini, latihan yang diberi kebanyakan ialah pelajaran bahasa Inggeris. Ini telah membantunya menerima kebudayaan Barat, dan memperluaskan ilmu kesasteraannya.³⁴ Walau bagaimanapun, Lu Xun telah diumpan oleh keluarganya pada tahun yang sama, agar balik ke Shaoxing untuk mengambil peperiksaan kerajaan dalam peringkat daerah Huiji. Akhirnya, beliau berjaya menduduki tempat yang atas iaitu bulatan yang ketiga dan nomber yang k-37 dalam papan pengumuman keputusan.³⁵ Hakiki ini boleh membuktikan bahawa ilmu tradisional Lu Xun adalah sangat mendalam. Tetapi, Lu Xun tidak mengambil bahagian lagi dalam peperiksaan pada peringkat yang seterusnya. Pada masa itu, Lu Xun bertukar ke Sekolah Lombong dan Jalan Keretapi (Kuanglu Xuetang 矿路学堂) di Nanjing. Semangat Lu Xun berkobar-kobar terhadap suasana maju di situ, maka bermula dari titik ini, Lu Xun telah tersingkir daripada perjalanan lurus sarjana tradisional, dan tidak berpatah balik lagi.

Sekolah Lombong dan Jalan Keretapi merupakan sebuah sekolah berciri moden. Ia membekalkan satu peluang kepada mereka untuk mengenali pengetahuan Barat. Di sini, Lu Xun telah dapat mempelajari pelbagai perkara baru yang amat berbeza dengan pendidikan Konfusian. Misalnya, geografi dunia, sejarah, geologi, dan yang lebih penting ialah sains moden seperti fizik dan sebagainya. Semua matapelajaran ini membuat Lu Xun belajar

³⁴ Cao Juren: *Lu Xun Pingzhuan*, hlm.23.

³⁵ Bilangan pelajar yang mengambil bahagian dalam peperiksaan daerah Huiji lebih daripada 500 orang. Setiap 50 pelajar dikategorikan ke dalam satu bulatan. Ini bermakna, Lu Xun mendapat tempat ke-187. Ini adalah satu keputusan yang agak baik. Sila lihat Ni Moyan (倪墨炎): *Zhongguo De Pantu Yu Yinshi: Zhou Zuoren* (中国的叛徒与隐士 -- 周作人 Pengkhianat dan Pertapa China--Zhou Zuoren) (Shanghai: Wenyi Chubanshe, 1990), hlm.13.

dengan amat gembira. Boleh dikatakan Lu Xun akhirnya memilih pelajaran perubatan juga berpunca daripada kegemarannya terhadap matapelajaran sains moden pada masa ini. Mengikut kajian D.W.Y. Kwok, semasa awal abad ini, pemuda-pemudi Cina sudah menganggap sains sebagai satu sistem nilai, dan bukanlah semata-mata satu matapelajaran sahaja.³⁶ Kegemaran Lu Xun terhadap Sains mencerminkan kecenderungan arus pemikiran pada masa itu. Hal ini juga membuktikan secara kukuh bahawa sungguhpun Lu Xun mempunyai ilmu tradisional yang begitu mendalam, tetapi beliau telah mempunyai perasaan yang ingin menjauhi tradisi Konfusianisme, dan mengalihkan perhatiannya kepada kebudayaan Barat. Minat Lu Xun terhadap ilmu sains sememangnya berhubungkait dengan arus pemikiran Barat yang berpopular pada masa itu. Di samping itu, ini juga berkaitan dengan pembacaan di luar sukatan matapelajaran oleh Lu Xun.

Pada awal abad ini, pelbagai pemikiran fahsafah Barat telah disebar dengan luasnya melalui saluran penterjemahan. Dalam bidang penterjemahan pada ketika itu, orang yang menyumbangkan paling banyak jasa dan usaha dalam kerja-kerja penterjemahan di China ialah Lin Shu (林纾 1852-1924) dan Yan Fu. Buku-buku terjemahan kedua-dua tokoh ini telah memberi pengaruh penting kepada perkembangan pemikiran Lu Xun. Sungguhpun Lin Shu merupakan seorang konservertif semasa Gerakan 4-Mei, tetapi penterjemahan yang dilakukan oleh beliau terhadap novel-novel Barat adalah usaha yang paling awal dan yang bersifat terbuka pada masa itu, ia telah menawan ramai hati pembaca. Sebagai penulis aliran lama yang tidak mengetahui bahasa

³⁶ D.W.Y.Kwok: *Scientism in Chinese Thought, 1900-1950* (Newhaven and London: Yale University Press, 1965), hlm.11.

asing tetapi telah memikul tanggungjawab dan tugas yang begitu penting dalam penterjemahan, ini boleh membuktikan bahawa budaya Barat telah memperolehi kedudukan yang begitu penting dalam pemikiran orang Cina pada masa itu. Dari perubahan dan kejatuhan nama dan status yang begitu besar pada Lin Shu (daripada dipandang sebagai pelopor budaya Barat, beliau telah dicaci sebagai wakil konservatif pada era 4-Mei) juga dapat menampakkan perubahan piawaian nilai orang Cina moden adalah begitu cepat sekali. Akan tetapi, tokoh konsevertif inilah yang merupakan perantara kepada Lu Xun dan intelektual segerasinya untuk mengenali Alexandre Dumas Pere (1803-1870), Alexandre Dumas Files (1824-1895), Leo Tolstoy (1828-1910) dan lain-lain. Xu Shoushang pernah mengenang bahawa, “setelah buku terjemahan Lin Qinnan (Lin Shu) diterbitkan, Lu Xun mesti membacanya.”³⁷

Manakala Yan Fu pula, beliau telah menterjemahkan banyak karya dan tesis yang berkenaan dengan pemikiran Barat. Beliau memperkenalkan utilitarianisme, teori evolusi dan eksperimentalisme. Buku-buku yang diterjemahkan olehnya termasuk *Evolution and Ethics* yang ditulis oleh Thomas Huxley (diterjemahkan pada tahun 1894 -1895, dan kemudian diterbitkan pada tahun 1898), *The Wealth of Nation* oleh Adam Smith (diterjemahkan pada tahun 1898, dan diterbitkan pada tahun 1903), *On Liberty* yang ditulis oleh John Stuart (diterjemahkan pada tahun 1898, dan kemudian diterbitkan pada tahun 1903) dan sebagainya. Kuasa dan pengaruh daripada buku-buku ini amatlah besar dan berkekalan, seperti mana yang dikatakan oleh Chow Tse-tsung, “those intellectual

³⁷ Xu Shoushang (许寿裳): “Wangyou Yinxiang Ji” (亡友印象记 Catatan terhadap Imej Seorang Kawan yang Telah Meninggal Dunia) dalam Xu Shoushang (许寿裳), Zheng Zhenduo(郑振铎) dan lain-lain: *Zuojia Tan Lu Xun* (作家谈鲁迅 Penulis Bercakap tentang Lu Xun) (Hong Kong: Wenzue Yanjiushe, 1966), hlm.11.

leaders who were middle-aged at the time of the May Fourth Movement had been influenced mainly by these works.”³⁸ Ingatan Hu Shi yang sezaman dengan Lu Xun terhadap situasi zaman pada masa itu dapat memberi kita satu pengenalan yang lebih mendalam,

Selepas penerbitan *Evolution And Ethics* beberapa tahun sahaja, ia telah menjadi popular di seluruh negara, sehingga menjadi bahan bacaan bagi pelajar-pelajar sekolah menengah Selepas rentetan kegagalan yang diterima oleh China dalam peperangan, dan kehinaan besar dalam tahun 1900-1901, hukum “yang kuat akan menang, yang lemah akan kalah, yang dapat menyesuaikan diri akan dapat terus hidup” ini memang merupakan satu pukulan hebat, dan ia telah memberi satu kejutan besar kepada banyak orang. Dalam beberapa tahun sahaja, pemikiran ini ibaratkan api liar, dan telah membakari hati dan darah ramai remaja. ‘Evolusi’, ‘pertandingan antara pihak’, ‘pilihan semulajadi’ dan pelbagai perkataan akademik semakin menjadi kata yang biasa dalam suratkhabar, dan lama-kelamaan menjadi ‘cakapan biasa’ dalam perbualan kumpulan ahli-ahli nasionalis.³⁹

Jelasnya, pemikiran baru yang disalurkan melalui penterjemahan Yan Fu ini telah membekalkan kesedaran membantu (subsidiary awareness) dan sistem rujukan (frame of reference) yang baru kepada orang Cina, dan seterusnya membangkitkan kesedaran kritikal intelektual Cina. Jika dilihat dari kaca mata kini, hasil terjemahan Yan Fu tidak mempunyai apa-apa keistimewaan, tetapi seandainya kita meletakkannya dalam zaman yang penuh perubahan besar itu, ia secara kebetulan telah bersesuaian dengan keperluan masa itu. Darwinisme ini dapat muncul sebagai arus pemikiran yang begitu terpengaruh kerana “yang kuat akan menang dan yang lemah akan kalah, yang bersesuaian dengan

³⁸ Chow Tse-tsung: *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm. 294.

³⁹ Hu Shi (胡适): “Sishi Zishu” (四十自述 Kisah Sendiri semasa Berumur 40 Tahun) dalam *Hu Shi Zuopinji* (胡适作品集 Koleksi Karya Hu Shi) (Taipei: Yuanliu Chuban Gongsi, 1986), Jilid 1, hlm. 16.

keadaan akan terus hidup” yang dikatakan oleh Huxley secara kebetulan dapat digunakan untuk menjelaskan fenomena penghinaan yang sedang dialami China. Dari satu aspek lain, ia juga boleh digunakan sebagai ubat mujarab menolong China untuk melepaskan diri daripada keadaan bantut itu. Dalam erti kata yang lain, falsafah teori evolusi telah dianggap oleh ramai orang Cina sebagai hukum lazim yang berupaya menjelaskan punca kebantutan China pada masa itu. Teori tersebut menunjukkan bahawa kebantutan China adalah disebabkan ia tidak mempraktikkan hukum perjuangan “yang bersesuaian dengan keadaan akan terus hidup” itu. Di bawah hukum ini, jikalau tradisi Konfusian yang sedia ada itu tidak dapat menyelamatkan China bahkan melumpuhkan negara, maka membuangkannya dan menyambut perkara-perkara yang baru merupakan satu ikhtisar yang terbaik. Oleh yang demikian, kesan objektif daripada teori evolusi ialah ia telah menjadi satu alat senjata yang menyebabkan tradisi Konfusian menjadi sesuatu peninggalan nenek moyang yang tidak berguna lagi.⁴⁰

Dengan kecerdikan dan kesentitifan Lu Xun, beliau tidak mungkin tidak merasai kesemua ini. Sememangnya, hati beliau penuh dengan rasa bimbang terhadap masa depan China. Teori evolusi yang begitu baru ini pasti akan membuka satu gambaran yang baru terhadap seorang pelajar muda yang baru keluar daripada dunia tradisional, dan ia telah membawa satu “kejutan kebudayaan” (culture shock) kepada sanubari Lu Xun pada tahap yang tertentu. Hal ini menunjukkan bahawa pemikiran dalaman Lu Xun akan berubah dari “bentuk tradisional” kepada “bentuk moden.” Lu Xun sebenarnya merupakan manusia transisi kebudayaan yang berada dalam “situasi sempadan” yang terhimpit antara

⁴⁰ Chou Min-chih: *Hu Shih and Intellectual Choice in Modern China*, (Aun Arbor: University of Michigan Press, 1984), hlm.11.

kebudayaan yang bercorak tradisional dengan yang bercorak moden. “Kejutan kebudayaan” ini pasti membangkitkan Lu Xun daripada “situasi sempadan” yang tidak tentu arah itu, dan mengidentifikasi diri kepada konsep kebudayaan dan kelakuan yang baru. Selepas banyak tahun kemudian, Lu Xun masih dapat menghafal perenggan penulisan yang membangkitkan perasaan ajaibnya itu.

Oh ! Rupa-rupanya di dunia ini terdapat seorang yang bernama Huxley yang duduk di dalam bilik baca dan memikir, malahan apa yang difikirkannya adalah begitu baru. Membaca dengan selanjutnya, “pertandingan antara pihak” dan “pilihan semulajadi” juga muncul dari situ, Socrates, Plato juga muncul dari situ, Stoic juga muncul dari situ.⁴¹

Dunia ajaib ini memupuk rasa ingin tahu Lu Xun untuk mengejarkan pemikiran Barat. Semasa membaca, pasti beliau akan berasa gembira seperti beliau membaca sastera popular Cina semasa kecil, manakala dunia tradisi Konfusianisme Cina telah dilupainya.⁴² Ya, Lu Xun berasa khayalan Huxley (1825-1895) adalah sesuatu yang menarik, kerana negara England yang mengalami evolusi sememangnya amat berbeza dengan dunia tradisi Konfusian yang dialaminya semasa zaman kanak-kanak. Andaikata dunia lama Lu Xun adalah penuh dengan penyakit, tekanan, kolot, kehinaan, tahayul, dan juga kegelapan, maka dunia baru yang sudah mengalami evolusi adalah satu dunia sains, dan hukum pergerakannya adalah “pertandingan antara pihak dan pilihan alam.” Bagi seorang pemuda yang sedang berada dalam keadaan tidak tentu arah, melompat daripada satu

⁴¹ *LXQJ*, Jilid 2, hlm.296.

⁴² Leo Oufan Lee: *Voice from the Iron House: A Study of Lu Xun* (Bloomington: Indiana University Press, 1987), hlm.11.

situasi lama yang dikongkong oleh tradisi Konfusianisme ke satu dunia sains Barat yang kelak tiba, sudah pasti akan timbul rangsangan dalam hatinya. Dalam erti kata lain, kemasukan dan kebangkitan arus pemikiran baru mengakibatkan beliau melangkah keluar dari “situasi sempadan” secara sedar, bermatlamat, dan kemudian menyeberangi sempadan kebudayaan baru, iaitu meminta diri dengan senja pujaan masyarakat lama, dan menyambut subuh kesedaran diri. Subuh ini dilaluinya di Jepun.

3.4 Pelajaran dan Pertembungan secara Keseluruhan dengan Kebudayaan Berlainan (Heterogeneous Culture) di Jepun

Kehidupan selama 4 tahun di Nanjing telah menyebabkan Lu Xun semakin terkeluar daripada lingkungan tradisional. Pada bulan Januari tahun 1902, beliau menamatkan pelajaran di Sekolah Lombong dan Jalan Keretapi. Disebabkan keputusannya yang cemerlang, maka Lu Xun telah dihantar oleh kerajaan Qing untuk melanjutkan pelajaran di Jepun pada bulan Mac tahun yang sama. Hal ini menjadikan Lu Xun berpeluang sampai ke satu situasi kebudayaan yang berlainan dengan tradisi Cina. Semasa beliau tiba di Jepun, beliau baru berumur 22 tahun, dan merupakan seorang pemuda bercita-cita tinggi yang ingin membuka mata untuk mengejar pengetahuan Barat. Pada masa itu, kegagalan Pembaharuan 1898 telah mendorong ramai pelajar melanjutkan pelajaran di luar negara. Antara negara-negara luar ini, Jepun paling popular dan paling ramai pelajar China belajar di sana.⁴³ Destinasi pelajar yang lain ialah Eropah dan

⁴³ Lihat Li Liangyi (李良玉): *Dongdang Shidai De Zhishifengzi* (动荡时代的知识分子 Intelektual dalam Zaman Pergolakan) (Zhejiang: Renmin Chubanshe, 1990), hlm.55-63.

Amerika Syarikat. Mereka berhasrat untuk melanjutkan pelajaran di negara asing dengan tujuan “ingin meminta panacea dari Barat untuk menyelamatkan China.” Sudah tentu, pendidikan yang diterima di Jepun sememangnya adalah berbeza secara keseluruhan dengan pendidikan Konfusian tradisional, malahan berbeza dengan situasi pelajaran di Nanjing. Berterusan arus melanjutkan pelajaran ke luar negara bermakna perubahan dalaman orang Cina akan terus berlaku, dan daya penyokong bagi pengekalan aturan Konfusian akan terus terhakis lagi. Jelasnya, kesan pendidikan negara asing yang baru ditakdirkan akan kelihatan menjelang abad ke-20.⁴⁴

Seperti apa yang dihuraikan di atas, Lu Xun sudah disulami “mandi hadas” oleh arus pemikiran baru semasa beliau menerima pendidikan di Nanjing, tetapi ini tidak dapat berbanding dengan pengalaman dan pengetahuan yang diperolehinya di Jepun. Apabila Lu Xun tiba di Jepun, negara ini sedang mengalami zaman pemerintahan Meiji (1867-1912) tahun ke-35. Pembaharuan di bawah pemerintahan Meiji telah mencapai hasil pembaratan yang amat baik, pelbagai pemikiran Barat luas disebar. Dalam aspek lain, daripada kalangan orang Cina yang berada di Jepun pada tempoh masa itu, sebilangan besar terdiri daripada mereka yang mempunyai pemikiran kritikal dan baru. Mereka termasuklah Liang Qichao yang terpaksa melarikan diri ke Jepun selepas kegagalan Gerakan Pembaharuan 1898, dan juga Zhang Taiyan yang merupakan pemimpin kumpulan revolusi dan sebagainya. Dengan ini, Jepun telah hampir-hampir mengumpulkan kesemua intelektual Cina yang cerdik yang muncul dalam sejarah moden

⁴⁴ D.W.Y.Kwok: *Scientism in Chinese Thought 1900-1950*, hlm.6.

China pada tempoh masa itu.⁴⁵ Keadaan ini membolehkan Lu Xun dapat terus menaruh perhatian dan kewajiban terhadap tanahair walaupun beliau sedang berada di negara asing. Tidak lama kemudian, Lu Xun telah menyertai Persatuan Pengambilan Semula (Guangfu Hui 光复会), satu pertubuhan anti-Dinasti Qing.⁴⁶ Pada ketika itu, semangat nasionalisme Lu Xun adalah begitu berkobar-kobar. Setiba ke Jepun tidak sampai setahun, perbuatan pertamanya yang bertentangan dengan tradisi Cina ialah memotong tocang panjangnya. Daripada perkara ini, kita dapat melihat kehebatan semangat nasionalisme dan antitradisinya. Dalam situasi pada masa itu, memotong tocang boleh dikatakan sebagai satu pemberontakan terhadap Dinasti Qing, dan satu pembuangan tradisi secara simbolik. Perkara ini mendorong Lu Xun mengambil gambar dan menulis sajak masyhul yang disalinkan di belakang gambar itu.

Di atas pentas, tiada cara untuk melarikan diri daripada panah ajaib,
Dalam hujan lebat dan angin yang kencang, seluruh kampung halaman menjadi
malap,
mengirimkan salam saya kepada bintang,
tetapi tiada balasan,
Saya membalaas tanahair,
dengan darah saya.⁴⁷

⁴⁵ Cheng Ma (程 麻): *Goutong Yu Gengxin-- Lu Xun Yu Riben Wenzue Guanxi Fawei* (沟通与更新——鲁迅与日本文学关系发微) Interaksi dan Pembaharuan—Penghuraian Teliti tentang Perhubungan Lu Xun dengan Sastera Jepun)(Beijing: Zhongguo Kexue Chubanshe, 1990), hlm.10.

⁴⁶ Terdapat dua pendapat tentang persoalan penyertaan Lu Xun dalam Persatuan Pengambilan Semula. Pendapat yang pertama ialah Lu Xun tidak pernah menyertai persatuan tersebut, sedangkan pendapat kedua adalah sebalik daripada pendapat pertama. Penulis menerima pendapat kedua yang berpendapat bahawa Lu Xun pernah menganggotai Persatuan Pengambilan Semula. Perbincangan dan pengkajian terhadap soalan ini boleh merujuk Lin Chen (林辰): “Lu Xun Ceng Ru Guangfuhui Zhi Kaozheng” (鲁迅曾入光复会之考证) Pengkajian terhadap Soalan Pernahkah Lu Xun Menyertai Persatuan Pengambilan Semula) dalam *Lu Xun Shiji Kao* (鲁迅事迹考 Pengkajian Kesan Kisah Lu Xun) (Beijing: Renmin Wenzue Chubanshe, 1981), hlm.1-12.

⁴⁷ LXQJ, Jilid 7, hlm. 423.

Jelasnya, sajak ini penuh dengan semangat nasionalisme dan pesonaliti individual yang hebat. Sajak ini mengisahkan seorang nasionalis tidak mendapat balasan mahupun pemahaman daripada orang lain, ini amat menyerupai Qu Yuan (屈原 339-278? sm), seorang pujangga patriotik yang dihormati olehnya.⁴⁸ Dalam gambar “memotong tocang” ini, ekspresi muka Lu Xun kelihatan melankolik dan khuatir, seakan-akan beliau sedang mencari-carikan sesuatu dan berfikir panjang. Pada hal yang sebenarnya, ini benar-benar merupakan kehakikian sanubari Lu Xun.

Selama 7 tahun di Jepun, kebanyakan masa Lu Xun hanya sebagai seorang pelajar atas nama sahaja, dengan ini beliau dapat menjalankan aktiviti yang diminatinya secara bebas, dan dapat menerima pengetahuan yang benar-benar diingini oleh beliau sendiri. Lu Xun berkata, “ Setibanya seorang pelajar luar negeri yang melanjutkan pelajaran di Jepun, yang hendak dikejar-kejarkan adalah pengetahuan baru. Di samping mempelajari bahasa Jepun untuk membuat persediaan memasuki sekolah tertentu, perkara yang dilakukan ialah pergi ke Dewan, melawat kedai buku, pergi ke perhimpunan, atau mendengar syarahan.”⁴⁹ Kata Lu Xun ini telah mencerminkan keinginannya untuk mengejar pengetahuan, ini juga telah membuktikan keaktifan beliau menyertai aktiviti-aktiviti patriotik. Dalam 2 tahun yang pertama, Lu Xun mengikut jadual ketetapan dan melanjutkan pelajarannya di Kolej Kobun yang terletak di Tokyo, matapelajaran yang dipelajari ialah bahasa Jepun dan sains pada peringkat sekolah menengah. Mengikut kenangan seorang kawan sedarjah Lu Xun yang bernama Shen Dieming (沈瓞民),

⁴⁸ Leo Oufan Lee: *Voice from the Iron House: A Study of Lu Xun*, hlm.13-14.

⁴⁹ *LXQJ*, Jilid 6, hlm.558.

“Pada masa itu, Lu Xun mempelajari bahasa Jepun di Kobun dengan lebih cemas,” “pada masa biasa, beliau belajar dengan tekun, sikap kegigihannya mengakumkan, dan selalu melakukan kerjanya sehingga larut malam baru tidur.”⁵⁰ Pada masa kemudian, Lu Xun meninggalkan banyak karya dan surat yang ditulis dalam bahasa Jepun, ini telah membuktikan kemampuannya dalam penguasaan bahasa Jepun. Yang lebih penting ialah ini juga memberinya satu “kunci” untuk membuka khazanah pengetahuan dunia. Jika dibandingkan dengan karya-karya Barat yang dibaca di negeri China yang kebanyakannya merupakan penterjemahan makna, ringkasan penterjemahan atau penterjemahan yang dedit semula oleh Yan Fu dan lain-lain, maka mulai ketika itu, Lu Xun telah dapat membaca karya-karya terjemahan yang diterjemahkan dalam bahasa Jepun dengan lebih tepat maknanya. Di samping itu, tidak lama setelah beliau memasuki Kolej Kobun, Lu Xun telah menghadapi persoalan tentang penghormatan terhadap Konfusian. Pada suatu hari, guru pengawas telah membawa pelajar dari negeri China ke kuil Konfusius untuk menjalankan adat penghormatan. Peristiwa ini membuat Lu Xun merasa sangat terkejut dan kecewa. Beliau mengingat kembali pada masa kemudian dan berkata, “Oleh kerana berputus asa terhadap Konfusian dan kumpulan pengikutnya, barulah (saya) datang ke Jepun, mengapa masih hendak mengadakan adat penghormatan pula ? ”⁵¹ Tindakbalas Lu Xun ini menunjukkan secara jelas bahawa beliau sudah benci dan sedia membuang Konfusianisme dengan tegas.

⁵⁰Xue Sui (薛 绥) dan lain-lain (ed.): *Lu Xun Shengping Shiliao Huinbian* (鲁迅生平史料汇编 Koleksi Sumber Sejarah Biografi Lu Xun) (Tianjin: Renmin Chubanshe, 1982), Jilid 2, hlm.14.

⁵¹ *LXQJ*, Jilid 6, hlm. 315.

Sungguhpun matapelajaran sains yang dipelajari oleh Lu Xun di sekolah Kobun hanyalah pada tahap sekolah menengah sahaja, tetapi sebagai sebuah sekolah berbentuk moden yang sudah didirikan selama 30 tahun sejak zaman pembaharuan Meiji, tahap yang diajar tidak dapat dibandingi oleh Sekolah Lombong dan Jalan Keretapi di Nanjing. Pendidikan sains yang diterima oleh Lu Xun di Jepun adalah sangat penting. Kita boleh melihat perubahan pemikirannya secara kasar daripada perubahan tanggapan Lu Xun terhadap sains. Mengikut Xu Shoushang, persoalan-persoalan yang Lu Xun sering memikirkan pada masa itu ialah: Apakah sifat manusia yang ideal ? Apakah yang paling berkurangan dalam sifat bangsa Cina ? Akar penyakitnya di mana ? Jawapan Lu Xun terhadapnya ialah berhasrat “untuk menyelesaikan masalah-masalah ini melalui sains.”⁵² Ini dengan nyatanya menunjukkan sainsisme (scientism) yang dikatakan oleh D.W.Y.Kwok merupakan haluan pemikiran Lu Xun, iaitu beliau bercenderung kepada pendapat yang menganggap kesemua aspek bagi alam semesta boleh dikenali melalui cara saintifik.⁵³ Keghairahan Lu Xun terhadap sains tidak syaki lagi adalah berpunca daripada kemunduran China dan aspirasi untuk memajukan negaranya. Beliau seakan-akan sama dengan intelektual-intelektual Cina lain yang ingin cuba menggunakan sains dan konsep nilai serta andaian yang dipuncakkan daripada sains untuk mengkritik dan menilai semula sistem nilai tradisional. Lu Xun seakan-akan dapat mencari penggantian bagi kehilangan autoriti Konfusian tradisional dalam hatinya menerusi sains. Akan tetapi, beliau perlu memikir dan mempraktik selama beberapa tahun barulah dapat memahami bahawa

⁵² Xu Shoushang (许寿裳): “Wangyou Yinxiang Ji,” hlm. 8.

⁵³ Untuk definisi “Sainsisme” yang terperinci, sila rujuk D.W.Y.Kwok: *Scientism In Chinese Thought 1900-1950*, hlm.3.

utilitarianisme pembaharuan dan konsep sainsisme adalah tidak bersetujuan dengan keperibadian individual dan cita-citanya .

Dalam 2 tahun yang pertama di Jepun, alam pendidikan di Kolej Kobun telah menggihkan sikap dan kepercayaannya terhadap sainsisme yang mula ditanam dalam hatinya sejak beliau berada di Nanjing. Pada tahun 1903, Lu Xun menyarkan dua tesis di akhbar *Zhejiang Chao* (Ombak Zhejiang 浙江潮) iaitu “Shuo Bo” (说铂 Perbincangan tentang Platinum) dan “Zhongguo Dizhi Luelun” (中 國 地 質 略 論 Perbincangan Ringkas tentang Geologi China). Daripada dua tesis ini, kita dapat melihat orientasi pemikiran sainsismenya. Isi kandungan kedua-dua tesis ini adalah untuk menerangkan bahawa asas kemajuan bangsa Cina ialah sains. Namun demikian, jika kita membaca secara keseluruhan dua novel sains terjemahan Lu Xun lagi iaitu *Yuejie Luxun* (月界旅行 Lawatan ke Bulan) dan *Didi Lvxun* (地底旅行 Lawatan ke Bawah Tanah) yang ditulis oleh Jules Uerne, didapati Lu Xun cuba menggabungkan minatnya terhadap Sains dan kegemaran novel atau cerpen tempoh awalnya. Bermula daripada minatnya terhadap Sains dan berubah kepada permintaan terhadap novel-novel Sains seakan-akan satu perkembangan yang dapat dijangkakan. Ini mungkin dipengaruhi oleh Liang Qichao. Karangan masyhur Liang Qichao yang bertajuk “Lun Xiaoshuo Yu Qunzhi De Guanxi” (论 小说 与 群 治 的 关 系 Perhubungan antara Cerpen dan Pentadbiran Umum) telah mengesyorkan supaya novel/cerpen menjadi sebagai alat pendidikan politik. Cadangan ini pernah membawa pengaruh yang agak besar kepada arena pemikiran Cina, dan pandangan Lu Xun terhadap novel sains agak dekat dengan cadangan ini. Yang berbeza hanyalah Lu Xun ingin menjadikan novel/cerpen sebagai saluran untuk menjalankan pendidikan sains dengan tujuan menyelamatkan China. Seperti dalam “Kata

"Pendahuluan" yang ditulis oleh beliau sendiri, beliau telah menganggap bahawa penulisan novel/cerpen sains Barat sebagai sejenis kerja penciptaan yang serius. Beliau berkata,

Bilangan cerpen-cerpen negara kita adalah banyak, misalnya yang mengisahkan cerita cinta, cerita sejarah, cerita mengejek dan cerita hantu, yang kurang hanyalah novel/cerpen sains, sekurang seperti tanduk unikorn. Ini merupakan satu punca yang mengakibatkan kemunduran pengetahuan. Maka, jika kita ingin mengisi kekurangan dalam bidang penterjemahan hari ini, dan membimbing masyarakat negeri China untuk menuju ke arah maju, maka kita harus berkerja bermula dari novel/cerpen sains. ”⁵⁴

Pada September tahun 1904, Lu Xun telah menamatkan pelajarannya di Kolej Kobun dan menukar ke Kolej Profesional Perubatan Sendai. Lu Xun pernah berkata dalam "Kata Pendahuluan" bukunya *Nahan* (呐喊 Teriakan) bahawa fikiran ingin belajar perubatannya telah muncul semasa beliau belajar di Nanking. Pilihan ini juga boleh dianggap sebagai perbuatan susulan kepercayaan sainsnya. Pada masa itu, beliau berpandangan bahawa kesemua tabib Cina adalah penipu yang secara sedar atau tidak sedar sahaja. Kesan gelap dalam hatinya akibat daripada kematian ayahnya telah menjadikan beliau "bersedia pulang apabila menamatkan pelajaran, dan mengubati kesemua kesengsaraan pesakit-pesakit yang seperti ayah saya."⁵⁵ Beliau seakan-akan menganggap bahawa belajar perubatan ialah langkah pertama untuk menghalaukan roh ayahnya yang sentiasa mengikutinya. Dengan mengubati setiap pesakit, satu penebusan dosa bagi kesalahan yang dilakukan ke atas ayahnya telah dijalankan.⁵⁶ Selain daripada

⁵⁴ LXQJ, Jilid 10, hlm.152.

⁵⁵ LXQJ, Jilid 1, hlm. 416.

⁵⁶ Sila melihat penghuraian pada seksyen kedua dalam bab ini.

itu, satu sebab lain yang menyebabkan Lu Xun belajar perubatan ialah, “Saya juga terdengar bahawa pembaharuan Meiji Jepun kebanyakannya bermula daripada perubatan Barat.” Jelasnya, Lu Xun telah memperbesar-besarkan fungsi perubatan, ini merupakan satu kesan yang nyata daripada mode pemikiran pembaharuan yang berdasarkan “sains untuk menyelamatkan negara.” Ini juga menjelaskan keadaan psikologi seorang pengikut Sainsisme. Dengan pemilihan karier ini, beliau seolah-olah sudah menyelesaikan kekeliruan identiti dan pemikiran dalam proses pertumbuhannya. Namun demikian, keputusan untuk mempelajari perubatan tidak semestinya dapat memenuhi minat dan cita-cita Lu Xun. Beliau hanya belajar perubatan secara bersungguh-sungguh di Sendai dalam jangka masa setahun dan enam bulan sahaja, lalu beliau telah melepaskan pelajaran perubatannya, dan menjalankan usahanya dalam bidang sastera.

Mengikut kata Lu Xun sendiri, beliau bertukar kepada bidang sastera selepas peristiwa melihat gelansar filem mengenai Perang Jepun-Rusia (1904-1905). Pengisahan Lu Xun sendiri ini merupakan sumber sejarah yang selalu dipetik oleh pengkaji-pengkaji Lu Xun dan dianggap sebagai bukti penentuan yang menentukan beliau melepaskan perubatan dan bertukar kepada bidang sastera. Dalam pengisahan sendiri itu, beliau berkata,

Pada masa itu, gelansar filem digunakan untuk menunjukkan bentuk mikroorganisma, oleh sebab itu, kadang-kala satu perenggan yang hendak diajar sudah habis, tetapi masa tamat belum sampai, guru pun menayangkan gambar-gambar alam sekitar atau peristiwa semasa bagi tontonan pelajar untuk menghabiskan masa itu. Pada ketika itu, sedang menemui peperangan antara Rusia dan Jepun Pada satu kali, saya tiba-tiba ternampak gambar-gambar yang ditayangkan itu terdapat ramai orang Cina yang lama saya tidak jumpa, di mana seorang diikat di tengah-tengah, dan ramai lagi berdiri di kiri dan kanan. Mereka mempunyai bentuk badan yang sama tegap, tetapi ekspresi yang mereka

tunjukkan adalah kaku. Mengikut penerangan, orang Cina yang diikat di tengah-tengah adalah pengintip urusan askar bagi pihak Rusia, dan pada masa itu dia akan dipancung kepala oleh askar pihak Jepun untuk ditunjukkan kepada orang ramai, dan orang Cina yang mengelilingnya ialah orang ramai yang datang untuk menyaksikan pertunjukkan yang besar itu.

Sebelum tamat persekolahan semester ini, saya sudah tiba di Tokyo, kerana semenjak kali itu, saya merasa belajar perubatan bukan satu perkara yang amat genting. Walaupun setiap warga yang lemah dalam pemikiran mempunyai bentuk badan yang teguh dan sempurna, tetapi (dia) hanya boleh dijadikan sebagai alat dan penonton pertunjukan yang tidak mempunyai maknanya seperti ini, maka beberapa orang yang mati akibat penyakit tidak payah dianggap sebagai satu perkara yang malang. Oleh itu, apa yang harus kita utamakan ialah mengubahkan semangat mereka, dan pada masa itu, saya ingat sememangnya sasteralah yang terpenting, maka saya ingin menganjurkan gerakan sastera.⁵⁷

Akan tetapi, penulis tidak bersetuju dengan alasan itu sahaja. Dengan latar belakang Lu Xun, penjelasan sebegini adalah terlampau ringkas dan telah mengabaikan kompleksiti perubahannya. Terdapat dua orang sarjana iaitu Lin Yu-sheng dan Leo Ou-fan Lee menganggap peristiwa gelansar filem itu hanya sebagai sebab mencetus atau titik kemunculan sahaja.⁵⁸ Pandangan ini adalah lebih tepat kerana lebih mengambil kira punca yang lebih mendalam.

Keputusan tahun pertama Lu Xun semasa belajar di Sendai telah membekalkan satu kesan untuk mencari sebab-sebab beliau melepaskan perubatan dan bertukar kepada bidang sastera. Beliau mendapat tempat ke-68 daripada 142 orang pelajar, manakala markah purata beliau hanya 65.5 yang merupakan keputusan yang sederhana sahaja. Dalam kata yang lain, keputusan perubatannya adalah tidak menonjolkan, tetapi dalam

⁵⁷ LXQJ, Jilid 1, hlm.416-417.

⁵⁸ Lihat Lin Yusheng; *The Crisis of Chinese Consciousness: Radical Antitraditionalism in the May Fourth Era*.

masa yang sama, beliau telah mendapat markah setinggi 83 dalam matapelajaran etika.⁵⁹

Cao Juren berpendapat bahawa ini merupakan satu fenomena yang harus dikaji secara teliti, kerana ia juga menunjukkan satu kenyataan.⁶⁰ Meneliti sepanjang hayat Lu Xun, sungguhpun beliau tidak kerap mengatakan perihal moral, tetapi semangat keberanian dan moralnya adalah sangat tertonjol. Ini telah mengingatkan kita tentang pengaruh ajaran Konfusian dalam fikirannya. Namun, yang lebih penting ialah, ia seolah-olah telah menunjukkan minat Lu Xun terhadap bidang rohaniah dan sifat manusia. Sebelum ini, Lu Xun pernah memberitahu Xu Shoushang bahawa kelemahan sifat bangsa Cina adalah kerana kekurangan unsur “kejujuran” dan “kesayangan” akibat daripada pencerobohan oleh bangsa asing sebanyak 2 kali dalam sejarah.⁶¹ Ini jelas tidak berhubung kait dengan “menyelesaikan masalah-masalah ini dengan melalui sains” yang pernah dikatakan olehnya sendiri. Kesimpulan sebegini boleh dianggap bahawa beliau telah meletakkan kepentingan budaya dan moral di atas sains sebelum berlakunya peristiwa gelansar filem. Oleh itu, kemungkinan besar kita perlu meninjau balik punca yang terpendam dalam pengalaman terdahulunya, sedangkan peristiwa gelansar filem hanya menguatkan tanggapan terpendam Lu Xun yang sedia ada itu sahaja, iaitu kelemahan sifat bangsa Cina adalah berpunca daripada kebudayaan dan semangat orang Cina, dan bukanlah berpunca daripada kekuatan badan. Teknik perubatan memang dapat menyelamatkan banyak pesakit yang serupa ayahnya, tetapi sebelum kematian jasad ayahnya, ia sudah dibunuh oleh adat resam dan kebudayaan lama seperti sistem peperiksaan awam dan lain-lain,

⁵⁹ Xue Sui (薛 绥) dan lain-lain (ed.): *Lu Xun Shengping Shiliao Huinbian*, Jilid 2, hlm. 97.

⁶⁰ Cao Juren: *Lu Xun Pingzhuan*, hlm. 34.

malahan sebelum mati, ayahnya juga tersengsara oleh adat resam Konfusian yang telah dipopularisasikan. Oleh yang sedemikian, cara perubatan Barat yang berpandukan sains tidak dapat mengubati penyakit secara menyeluruh, terutamanya masalah orang Cina dalam peristiwa gelansar filem itu secara nyata adalah kekakuan di atas semangat, dan semua ini adalah akibat pencerobohan kuasa-kuasa besar dan juga akibat kesalahan yang dicipta oleh tradisi lama. Bagi Lu Xun, masalah rohaniah di atas sifat bangsa Cina adalah akibat daripada masalah pemikiran, dan Konfusian tradisional merupakan teras pemikiran Cina, maka tradisi Konfusian sewajarnya menjadi sasaran yang dipersalahkan. Dengan ini, “revolusi pemikiran” semasa Gerakan 4-Mei telah menjadi tujuan Lu Xun.

Dengan kesedaran ini, Lu Xun dipengaruhi oleh fahsafah Nietzsche (1844-1900) tidak lama kemudian merupakan satu perkara yang wajar. Memandangkan Lu Xun menganggap punca krisis orang Cina adalah pada aspek rohaniah dan pemikiran, maka tidak menghairankanlah mengapa beliau pada masa itu amat mengharapkan kemunculan seorang “pejuang dalam bidang pemikiran” agar dapat menyelamatkan orang Cina yang sedang berada dalam kemunduran semangat. Teori “orang luar biasa” yang diketengahkan oleh Nietzsche dapat memberi sokongan dan kelegaan semangat yang tidak terhingga kepadanya. Oleh yang demikian, kita dapat perhatikan bahawa Lu Xun sudah menuju ke arah pendirian yang mementingkan bidang pemikiran (semangat) dan bukan lagi pendirian sainsisme. Akan tetapi, transformasi ini memerlukan sedikit masa untuk menonjol. Transformasi pada pemikiran sudah tentu melibatkan satu proses ketegangan.⁶²

⁶¹ Xu Shoushang: *Wo Suo Renshi De Lu Xun* (我所认识的鲁迅 Lu Xun yang Dikenali Saya) (Beijing: Renmin Wenzue Chubanshe, 1952), hlm.8.

⁶² Mengenai Perkembangan Pemikiran Lu Xun semasa belajar di Jepun, boleh merujuk Wang Yifu (汪毅夫): *Lu Xun Yu Xin Sichao-- Lun Lu Xun Liu Ri Shiqi De Sixiang* (鲁迅与新思潮——论鲁迅留日时

Kepulangan beliau ke Tokyo dari Sendai pada awal tahun 1907 boleh dijadikan sebagai simbol yang bermaksud bahawa beliau telah melangkah selanjutnya kepada matlamat yang hendak diperjuangkan dalam sepanjang hayatnya. Beliau benar-benar mula ingin mencapai matlamat mengubah sifat bangsaya dengan melalui pelbagai rancangan sastera yang diaturkan. Beliau berubah menjadi seorang pendorong gerakan sastera, dan bukan lagi seorang “pelajar” yang sebenarnya. Pada ketika itu, beliau hanya melaporkan nama di sebuah sekolah untuk belajar bahasa German agar mendapat subsidi kerajaan. Tidak lama selepas Lu Xun tiba di Tokyo, beliau telah mengeditkan sebuah karya dengan kerjasama rakannya yang bertajuk *Zhongguo Kuangwu Zhi* (中国矿物志 Catatan Perlombongan China), namun ini tidak bererti beliau telah balik ke pangkuhan sainsisme. Ini semata-mata boleh dikatakan sebagai satu minat beliau sahaja, iaitu sejenis minat yang tidak berkaitan dengan “misi menyelamatkan negara.” Pada hakikinya, karya ini merupakan satu sambungan kepada karyanya yang belum habis menjelang 1904. Pada tahun yang sama, Lu Xun menulis sebuah tesis yang bertajuk “Ren Zhi Lishi” (人之历史 Sejarah Manusia) dengan mengikut rangka teori evolusi yang dipelajari pada awal tahunnya. Isi kandungan tesis ini merangkumi perkembangan sains Barat dari Theles, Curvier, Lamarck sehingga Darwin dan Haeckel. Selepas itu, beliau juga menulis beberapa tesis lagi yang memaparkan perubahan pada pemikirannya. Dalam “Kexueshi Jiao Pian” (科学史教篇 Bab Pendidikan Sejarah Sains), beliau berpendapat bahawa nilai rohaniah dan nilai material mempunyai kegunaan masing-masing dalam sejarah

期的思想 Lu Xun dan Arus Pemikiran Baru--Perbincangan tentang Pemikiran Lu Xun semasa di Jepun) (Shanxi: Renmin Jiaoyu Chubanshe, 1996).

manusia.⁶³ Kalau hanya berfikir dengan “mengembangkan industri dan meningkatkan kuasa askar,” ini hanya “terpesona dengan benda yang berada di depan mata, dan belum dapat kebenaran yang sebenarnya.” Beliau menambah lagi, “..... rekaan dan perjumpaan dalam sains sentiasa dipengaruhi oleh kuasa supra-sains, dengan kata lain, ia boleh dikatakan sebagai keharuan terhadap cita-cita non-sains.” Oleh yang demikian, kesimpulan yang dicapai oleh Lu Xun ialah: manusia bukan sahaja memerlukan Newton (1642-1727), tetapi juga memerlukan Shakespeare (1795-1881); manusia bukan sahaja memerlukan R.Boyle (1627-1691), juga memerlukan Raphaelo (1483-1520); bukan sahaja memerlukan Darwin (1809-1882), juga memerlukan T.Carlyle. Ini secara nyata telah menunjukkan perubahan pada Lu Xun adalah bersifat lompatan, dan beliau tidak menegaskan pendapatnya yang menganggap sains atau material merupakan cara unggul yang dapat mengubahkan bangsa Cina lagi. Beliau mahukan keseimbangan antara sains dan bidang mental seakan-akan juga menunjukkan ketegangan dalam sanubarinya, dan sedang mencari satu rasionalisasi kepada kepercayaannya.⁶⁴

Tesis seterusnya yang bertajuk “Wenhua Pianzhi Lun” (文化偏至论 Doktrin Ekstremiti Budaya) secara nyata dapat memperlihatkan kecenderungannya kepada bidang “mental.”⁶⁵ Tesis ini boleh dikatakan sebagai titik perubahan pemikiran Lu Xun daripada seorang pengikut sainsisme kepada seorang sasterawan yang menuju ke arah hati manusia selepas beliau “bertembung dengan Barat” di Jepun. Di sini, kita boleh mengatakan bahawa rangka pemikiran bagi “Lu Xun asal” sudah terbentuk. Pendirian asas Lu Xun

⁶³ LXQJ, Jilid 1, hlm.25-43.

⁶⁴ Leo Ou-fan Lee: *Voice from the Iron House: A Study of Lu Xun*, hlm. 20.

⁶⁵ LXQJ, Jilid 1, hlm. 44-46.

ialah “tamadun adalah berubah dan maju mengikut kesan lama, dan juga dengan mengubahkan peristiwa lama untuk melahirkan ekstremiti.” Bagi Lu Xun, pemikiran yang popular pada abad ke-19 sudah sampai satu tahap di mana “manusia hanya mengikut dunia material yang objetif, tetapi mental dalaman yang subjektif telah diabaikan. Yang diutamakan ialah luaran, yang diabaikan ialah dalaman. Menerima aspek kebendaannya, dan menyingkirkan aspek rohaniahnya. Bagi setiap manusia, nafsu terhadap material mendatangkan keburukan, masyarakat menjadi lesu dan kemajuan sudah buntut.” Lu Xun berpendapat, ini merupakan satu tahap yang harus diperbetulkan pada ketika itu. Kalau dibandingkan pendapat ini dengan pandangan beliau sebelum itu yang berpendapat seakan-akan kemajuan keadaan sosial akan tercapai selepas kemajuan dalam sains dan material, iaitu “kemajuan dalam bidang industri, dan kejenteraan digunakan, maka bayangan bertamadun dilekatkan dalam otak kita, secara berterusan, akan melahirkan kebaikan.”⁶⁶ Perbezaan antaranya adalah amat besar. Secara ringkas, jika menggunakan kata beliau sendiri untuk merangkumi pemikiran beliau pada masa itu, beliau adalah “mengelakkan material dan membuka dunia mental; membiarkan perseorangan tetapi menghindarkan keumuman.”⁶⁷ Lu Xun menganggap sains yang mengejarkan pengetahuan objetif sebagai materialisme (Ini merupakan satu salahtaksif terhadap sains).⁶⁸ Maka, demi memperbetulkan “ekstremiti,” dan menentang populariti, beliau mencadangkan idealisme dan individualisme yang baru muncul pada ketika itu, manakala caranya ialah melalui gerakan sastera dan juga kritikan budaya. Nyatanya, Lu Xun sudah menyentuh

⁶⁶ *LXQJ*, Jilid 8, hlm.17.

⁶⁷ *LXQJ*, Jilid 1, hlm.46.

isu “antikemodenan,” dan ini merupakan bayangan pengaruh Nietzsche.⁶⁹ Lu Xun memanglah mempunyai banyak perbezaan dengan Nietzsche, apa yang ditentangkan oleh Nietzsche ialah politik, iaitu “antipolitik,” tetapi unsur-unsur “penentangan” yang diterima oleh Lu Xun ialah untuk menegaskan pembaharuan sifat bangsa dan penentangan kegelapan realiti untuk mencapai matlamat pembebasan bangsa. Selain itu, individualisme yang terlampau dan kebebasan semangat yang dikemukakan dalam “teori orang luar biasa” oleh Nietzsche telah meninggalkan kesan yang sangat mendalam dalam pemikiran Lu Xun. Lu Xun berasa rela mendengar laungan dan seruan “tuhan sudah mati!” dan “menilai semula nilai-nilai yang sedia ada” yang dianjurkan oleh Nietzsche. Kebebasan dan individualisme sudah tentu berlanggar dengan pemikiran Konfusian yang diterima oleh dirinya sejak kecil lagi, maka sememangnya akan terwujud satu ketegangan dalam mindanya. Bagi Lu Xun, pengalaman kehidupannya yang realiti ialah Konfusian terlalu menegaskan semangat kekeluargaan dan kehidupan etika, ini adalah amat berbeza dengan individualisme. Pengaruh individualisme Baratlah yang merupakan salah satu punca kemunculan luangan “adat resam makan orang” yang disyorkan oleh Lu Xun semasa Gerakan 4-Mei.

Seterusnya, dalam tesis yang bertajuk “Moluo Shili Shuo” (摩罗诗力说 Perbincangan tentang Daya Puisi Mara), Lu Xun telah menekankan nilai sastera dengan lebih-lebih lagi.⁷⁰ Beliau menyatakan bahawa sastera dapat “memupuk pemikiran dan rohaniah manusia.” Dalam sastera, terdapat sejenis kuasa perasaan yang boleh

⁶⁸ Leo Oufan Lee: *Voice from the Iron House: A Study of Lu Xun*, hlm. 18.

⁶⁹ Zhang Zhaoyi (张钊贻): “Lu Xun Yu Nicai Fanxiandaixing De Qihe” (鲁迅与尼采反“现代性”的契合 Keserasian antara Lu Xun dengan “Antikemodenan” Nietzsche) dalam *Ershiyi Shiji* (二十一世纪 Abad Ke-21), No.29, Jun, 1995, hlm. 93.

“memakrifatkan kehidupan manusia, dan mengungkap kehakikian dan hukum sebenar secara terus-menerus, ini merupakan perkara yang tidak dapat dicapaikan oleh ilmu Sains.”⁷⁰ Beliau menyebutkan senarai “pejuang dalam bidang minda” dan membentukkan satu genealogi penyajak-penyalak Mara. Pejuang-pejuang dalam bidang minda ini kebanyaknya merupakan penentang-penentang yang berasal daripada bangsa yang kecil dan lemah. Selain daripada itu, beliau menganggap bahawa mereka adalah orang yang menentang adat resam dan moral lama, dan mereka juga tidak akan “menuruti bunyi-bunyi yang selaras dengan keumuman.” Penyajak England yang bernama G. Byron (1788-1824) merupakan arketip (archetype) bagi “penyajak Mara.” Penyajak-penyalak yang lain ialah seperti A.Pushkin (1799-1837), A.Petofi (1823-1849) dan sebagainya. Lebih daripada 10 tahun selepas itu, semasa Lu Xun menulis catatan tajuk untuk karyanya *Fen* (坟 Kubur), beliau telah berkata bahawa perasaan penyajak-penyalak Mara sedalam lautan. Beliau mengimbas kembali dan berkata bahawa “nama mereka begitu mengobar-nogarkan semangat saya pada dahulu kala !”⁷² Yang nyata ialah Lu Xun sangat menghormati semangat “berkeinginan menentang, dan dilaksanakan dengan perbuatan” yang dipegang oleh penyajak-penyalak Mara dan beliau ingin mendapatkan kuasa yang boleh mendorong kesedaran dan kebangkitan seseorang manusia daripadanya.⁷³ Daripada ciri-ciri tesis ini, Ito Toramaru, seorang pengkaji Lu Xun dari Jepun berpendapat bahawa semangat Mara ini “boleh dianggap sebagai doktrin asas bagi sastera Lu Xun. Langkah

⁷⁰ LXQJ, Jilid1, hlm.63-115.

⁷² Ibid.: hlm.3.

⁷³ Peng Ding'an (彭定安): *Zouxian Lu Xun Shijie* (走向鲁迅世界 Berjalan ke Dunia Lu Xun) (Liaoning: Liaoning Daxue Chubanshe, 1992), hlm. 137.

permulaan sebenar bagi seorang cerpenis Lu Xun mungkin bermula dari sini.”⁷⁴ Pendapat sebegini memang bermakna.

Tesis-tesis yang tersebut di atas pada asalnya akan disiarkan dalam suatu majalah sastera yang dirancang untuk diterbitkan oleh Lu Xun yang bertajuk *Xinsheng* (新 生 Kehidupan baru). Perkataan “*Xinsheng*” ini adalah dipinjam daripada tajuk karya Dante (1265-1321) yang berjudul *Vita Nuova*, maksud simboliknya ialah untuk mencapai satu China yang mempunyai “kehidupan yang baru,” ini juga melambangkan arah baru Lu Xun. Namun, yang sinis ialah, majalah yang diberi nama *Xinsheng* ini telah lenyap sebelum diterbitkan kerana kekurangan sumber wang dan tenaga. Dalam suasana yang mementingkan sains dan matapelajaran yang bersifat pragmatik di kalangan pelajar-pelajar luar negeri pada masa itu, majalah yang dirancang untuk diterbit itu sememangnya adalah melampaui suasana zaman itu. Akhirnya, tesis-tesis beliau terpaksa disiarkan di majalah lain yang bernama *Henan* (河 南). Sungguhpun majalah yang dirancang untuk penerbitan itu telah gagal pada akhirnya, tetapi Lu Xun belum merasa hampa hati, beliau terus menterjemahkan cerpen-cerpen Barat. Pada tahun 1909, beliau menerbitkan buku terjemahannya yang bertajuk *Yuwai Xiaoshuo Ji* (域 外 小 说 集 Koleksi Cerpen dari Luar Negara) dengan kerjasama adiknya Zhou Zuoren. Karya-karya yang diterjemahkan itu kebanyakannya dari Rusia dan Eropah Timur, ini adalah kerana karya-karya itu memaparkan kesengsaraan bangsa-bangsa yang mengalami tekanan dan desakan. Antara karya-karya itu, ada yang mencerminkan semangat perjuangan dan penentangan bangsa. Oleh yang demikian, Lu Xun dalam “Kata Pengenalan” buku *Yuwai Xiaoshuo Ji* itu telah

⁷⁴Ito Toramaru (伊藤虎丸), Sun Meng (孙猛) dan lain-lain (terj): Lu Xun, Chuangzaoshe Yu Riben Wenxue (鲁迅、创造社与日本文学 Lu Xun, Persatuan Penciptaan dan Sastera Jepun) (Beijing: Beijing Daxue Chubanshe, 1995), hlm.101.

menasihati pembaca-pembaca hendaklah cuba mencari suara dalaman penulis supaya dapat mencari semangat yang ada padanya. Ini membuktikan kecederungan pemikiran yang konsisten yang terdapat pada hati Lu Xun pada masa itu. Akan tetapi, hasil jualan buku ini adalah sangat malap, di mana hanya sejumlah 20 lebih sahaja dapat dijual di China dan Jepun. Lu Xun berasa amat hampa, dan tertimbulnya bayangan gelap besar dalam hatinya. Kebenaran dan keyakinan diri Lu Xun terhadap pemilihan sastera sebagai kariernya telah juga tertimbul “kekeliruan identiti.” Kedukacitaan dan persimis ini telah dipaparkan selepas 10 tahun lebih kemudian,

Setiap cadangan seseorang mendapat persetujuan akan mendorongnya maju ke depan, jika mendapat bantahan akan mendorongnya berjuang, hanyalah jeritan dalam manusia yang hidup, tetapi manusia hidup tidak memberi sebarang tindakbalas, bukannya bersetuju dan juga bukan membantah, seperti berada di sebuah lapangan liar yang tiada batasan, maka tidak tahu bagaimana hendak menghadapi semua ini, inilah kesedihan yang macam mana! Dengan ini, saya berasa sangat sunyi.⁷⁵

Pertambahan sentimen gelap sebegini melambangkan penamatan gerakan sastera Lu Xun yang pertama, dan ini juga bermaksud bahawa kekecewaan Lu Xun terhadap sifat bangsa Cina bertambah serius.

Ketika Lu Xun sedang mengalami perubahan pemikiran ini, beliau sempat mengikuti pengajaran daripada tokoh agresif yang mempunyai pengetahuan ilmu tradisional Cina yang mendalam iaitu Zhang Taiyan. Selain daripada Lu Xun, orang lain yang belajar mengikut Zhang termasuklah Zhou Zuoren, Xu Shoushang, Qian Xuantong

⁷⁵ LXQJ, Jilid 1, hlm. 417.

(钱玄同 1887-1939) dan lain-lain lagi. Dalam tempoh lebih kurang setahun setengah itu, mereka mendengar ajaran Zhang tentang *Shuowen Jiezi* (说文解字 Perbincangan Bahasa dan Penghuraian Tulisan) setiap hari Sabtu. Lu Xun pernah menyebut tentang sebab beliau mengikuti pengajaran Zhang, “Bukan kerana beliau (Zhang) adalah seorang sarjana, tetapi adalah kerana beliau seorang tokoh revolusi yang mempunyai ilmu yang banyak. Maka, sehingga sekarang, wajah cikgu masih berada di depan mata saya, tetapi *Shuowen Jiezi* yang diajar olehnya telah dilupakan sehingga tidak teringat sepatah pun.”⁷⁶ Ini mungkin adalah hal yang benar. Namun, mengikut ingatan Zhou Zuoren, “Semasa tahun 1906, kami (dengan Lu Xun) menterjemahkan cerpen masih dengan menggunakan tiun penulisan Lin Qinnan (Lin Shu). Pada masa itu, saya sudah pun berasa sedikit tidak puas hati terhadapnya, malahan karangan Yan Fu juga tidak disukai lagi kerana gaya ‘esei lapan-kaki’nya.”⁷⁷ Ini merupakan peristiwa yang berlaku selepas Lu Xun mendengar pengajaran Zhang Taiyan. Ternyata, Lu Xun telah terpengaruh oleh karangan-karangan Dinasti Wei dan Jin (*Wei Jing Wenzhang* 魏晋文章) yang lebih lancar gayanya yang dipupuk oleh Zhang Taiyan. Disebabkan pemupukan Zhang ini juga, Lu Xun berminat terhadap *Ji Kang Ji* (嵇康集 Koleksi Ji Kang), terutamanya tertarik dengan keperibadian intelektual-intelektual Dinasti Wei dan Jin seperti Kong Rong (孔融 153-208), Ruan Ji (阮籍 210-263) dan Ji Kang (嵇康 223-263). Barangkali sebahagian punca anti-Konfusian Lu Xun adalah berasal daripada sikap “menafikan Shang Tang dan Zhou Wu, memandang-hina Zhou Gong dan Konfusius”(*fei Tang Wu* 非

⁷⁶ LXQJ, Jilid 6, hlm.546.

⁷⁷ Lihat Cao Juren: *Lu Xun Nianpu* (鲁迅年谱 Kronologi Lu Xun) (Taipei: Xinchao She Wenhua Shiye Youxian Gongsi, 1987) hlm.40.

湯武, *bo Zhou Kong* 薄周孔) intelektual-intelektual Wei dan Jin ini. Liu Bannong (刘半农 1891 – 1934), seorang kawan karib Lu Xun semasa Gerakan 4-Mei pernah menghadiahkan Lu Xun satu kuplet berantitesis yang berbunyi “Fahaman Leo Tolstoy dan Nietzseche, Karangan Wei dan Jin” (*Tuo Ni xueshuo* 托尼学说, *Wei Jin wenzhang* 魏晋文章) untuk menyifatkan minat dan kecenderungan karya-karya Lu Xun. Kononnya Lu Xun tidak bantah maksud kuplet ini, ini jelas menunjukkan pengaruh ciri-ciri karangan Wei dan Jin terhadapnya.⁷⁸ Mengimbas kembali, sebenarnya sejak awal-awal lagi Lu Xun sudah memerhatikan *Qiu Shu* (訄书 Buku Mendesak) yang ditulis oleh Zhang Taiyan yang mencacikan Konfusian itu.⁷⁹ Barangkali benar kata Lu Xun bahawa beliau “kerap membaca, dan memang tidak faham juga.....”⁸⁰ Akan tetapi, Zhang Taiyan sebagai tokoh utama dalam bidang pemikiran pada akhir Dinasti Qing, suasana pemikiran yang dipengaruh oleh pemikirannya tidak mungkin tidak mempengaruhi Lu Xun.

Semua penguraian yang dinyatakan di atas telah menunjukkan bahawa kehidupan dan pengalaman belajar yang penuh dengan selok-belok selama 7 tahun di Jepun telah menentukan arah Lu Xun. Yang pasti ialah pengalaman kehidupan ini juga mempunyai erti yang sama terhadap nilai dan pemikiran asasnya. Sekurang-kurangnya, ciri-ciri kebudayaan berlainan dari Barat sudah menjadikan beliau tidak percaya bahawa pemikiran Konfusian tradisional sebagai sesuatu yang selazimnya. Beliau telah

⁷⁸ Lihat Cao Juren: *Lu Xun Pingzhuan*, hlm. 41.

⁷⁹ Wang Fansen (王汎森): *Zhang Taiyan De Sixiang--Jian Lun Qi Dui Rujia Chuantong De Chongji* (章太炎的思想 -- 兼论其对儒学传统的冲击 Pemikiran Zhang Taiyan-- Sambil Berbincang tentang Impaknya terhadap Tradisi Konfusian) (Taipei: Shibao Wenhua Chuban Gongsi, 1992), hlm. 176-189.

⁸⁰ *LXQJ*, Jilid 6, hlm 545.

mengalami satu proses transisi daripada sainsisme kepada “pejuang dalam arena minda.” Namun demikian, jika menganggap bahawa Lu Xun sudah bersedia keseluruhannya untuk menjadi sebagai ahli anti-Konfusian yang radikal seperti pada Gerakan 4-Mei, dan telah mempunyai pendirian ingin meneriakkan rasa putus asanya terhadap Konfusian, ini adalah suatu anggapan yang terlalu awal. Ia masih memerlukan perubahan psikologi dan stimulus zaman yang lebih mendalam sebagai pemangkin. Pada masa itu, Lu Xun masih mempunyai pendirian ingin memperbaharui tradisi (bukan memutus hubungan dengan tradisi), kerana kuasa maharaja universal dan aturan kebudayaan tradisional Cina masih belum runtuh, maka anti-Konfusian yang hebat masih belum sampai masanya.⁸¹ 10 tahun kemudian, apabila Lu Xun memulakan usaha sasteranya buat kali kedua, beliau bukan sahaja mendapat kemenangan yang cermelang dalam bidang ini, malahan beliau juga menyempurnakan watak sejarah bagi diri sendirinya melalui daya pengaruh sasteranya.

⁸¹ Lin Yu-sheng: *The Crisis of Chinese Consciousness: Radical Antitraditionalism in the May Fourth Era*, hlm.113-114.